


Jilid I
Bil. 98



Hari Selasa
10hb Disember, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 15859]**

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 15899]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 33 [Ruangan 15901]

Maksud B. 34 [Ruangan 15945]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992:

Jawatankuasa—

Maksud P. 33 [Ruangan 15901]

Maksud P. 34 [Ruangan 15945]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.1., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAPAR UIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis),

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P. (Permatang Pauh).

.. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

.. Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.U., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

.. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSI AH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AHLEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pcbangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAIHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantul).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Meniakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIPPIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, U.P.M.T., K.M.N., P.I.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.U.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelindungan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buniar).

Setiausaha Parlimen, di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan DatOk).

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

„ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan DATO' K. KUMARAN (Tapah).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

„ TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJJB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAIH HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

DATUK HAJI BASRI DIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.I.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

„ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

TUAN CHIAN HENC KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

DR V. DAVID (Puchong).

TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH DIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).

„ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN IDRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

PUAN HAJAII ILANI BIMBI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN RODERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kola Bclud).
- „ DR T. MARIMUTUU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANC, B.S.K, (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA K.AYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai),
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAH ALANG SAIDIN, A.M.P. (Paril).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

- Yang Berhormat TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
 - „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
 - „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN, P.D.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
 - „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
 - „ PUAN HAJAH RAKIBAI BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
 - „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
 - „ PUAN ROHANI UINTI ABD. KARIM (Santubong).
 - „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
 - „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
 - „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
 - „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
 - „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
 - „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
 - „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
 - „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
 - „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
 - „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
 - „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
 - „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
 - „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
 - „ TUAN WAHAB BIN SUHAIU (Batang Sadong).
 - „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
 - „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
 - „ TUAN HAJJ WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
 - „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
 - „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
 - „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
 - „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
 - „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
 - „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
 - „ TUAN WOON SEE CIIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
 - „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
 - „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
 - „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman. D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyumbang: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MBSYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 10hb Disember, 1991

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****TANAH WAKAF—
PEMBANGUNAN DAN
PENYELARASAN**

1. **Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail** minta Perdana Menteri menyatakan berapa luaskah tanah-tanah wakaf yang di bawah kelolaan Jabatan-jabatan Agama Persekutuan dan Negeri-negeri:

- (a) apakah langkah-langkah diambil untuk membangunkannya; dan
- (b) apakah usaha-usaha Jabatan Agama di Jabatan Perdana Menteri menyelaras dan menyatukan sistem memajukannya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan **Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul)**: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, tanah wakaf di bawah kelolaan Majlis-majlis Agama Islam Negeri berjumlah 14,210 ekar. Dari jumlah itu 13 ekar adalah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perangkaan ini berdasarkan maklumat yang telah dikumpul setakat ini dan maklumat itu masih belum lengkap.

Langkah-langkah yang diambil oleh Bahagian Hal Ehwal Islam dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri bagi membangunkan tanah-tanah wakaf adalah seperti berikut:

- (a) Pada tahun 1987 Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Harta Wakaf Peringkat Kebangsaan sebagai badan penyelaras yang tertinggi bagi mengendalikan semua persoalan mengenai tanah-tanah wakaf di negara ini.
- (b) Jawatankuasa Pemandu ini telah menubuhkan dua jawatankuasa kerja iaitu Jawatankuasa Undang-undang Pentadbiran Harta Wakaf dan Jawatankuasa Pembangunan Harta Wakaf.
- (c) Mengadakan seminar dan bengkel peringkat kebangsaan mengenai pengurusan tanah wakaf.
- (d) Pada masa ini Majlis-majlis Agama Islam Negeri sedang menjalankan usaha memperluaskan dan mengemaskini maklumat-maklumat mengenai tanah-tanah wakaf di negeri-negeri. Ini termasuklah mendaftarkan tanah-tanah wakaf yang belum berdaftar.
- (e) Beberapa Majlis Agama Islam Negeri telah membuat perundingan dengan pihak-pihak tertentu seperti Bank Islam, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia untuk mem-

bangunkan tanah-tanah wakaf masing-masing.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa (c) mengadakan seminar dan bengkel-bengkel mengenai wakaf.

Saya hendak lahu setakat manakah seminar-seminar ini berjaya dan berapa kalikah diadakan setakat ini dan apakah kesan-kesan yang efektif?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, seminar ini adalah bertujuan untuk menjelaskan perkara-perkara yang harus dilakukan bagi membangunkan sesuatu tanah wakaf yang telahpun didaftarkan. Jadi tentang kesannya itu sudah pastilah ianya agak sukar untuk disukat kerana ianya akan memakan masa bagi pengendali-pengendali atau jawatankuasa yang mengendalikan tanah-tanah wakaf ini.

Mengenai berapakah itu, saya mohon maaf kerana saya tidak ada angka yang tepat untuk Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah hubungan di antara Bahagian Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri dengan Majlis Agama Islam Negeri-negeri sehingga setakat ini?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, hubungannya ialah bagi Jabatan Agama Islam Negeri-negeri adalah diberi nasihat oleh Jabatan Perdana Menteri di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam Malaysia, yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam di peringkat Persekutuan dan akan disampaikan ke peringkat Negeri untuk dilaksanakan. Tetapi ini bergantunglah kepada Jabatan-jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri sama ada hendak mematuhi ataupun tidak.

BANK PIHAKBERKUASA TEMPATAN—PENUBUHAN

2. **Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- a)* kedudukan semasa rancangan untuk menubuh satu bank pihakberkuasa tempatan bagi membantu mereka mengukuhkan kedudukan kewangan masing-masing;
- b)* setakat ini, apakah butir atau faktor-faktor yang telah atau sedang dikaji, masing-masing oleh jawatankuasa yang ditubuh oleh pihak-pihak berkuasa tempatan dan oleh Kementerian sendiri; dan
- c)* menjelang akhir Oktober 1991, berapakah bilangan pihakberkuasa tempatan yang masih belum mengemukakan kunci kira-kira mereka untuk diaudit. Apakah bilangan ini berbanding dengan tahun yang lepas. Sudahkah tindakan diambil untuk memotong peruntukan wang tahunan mereka yang terlibat. Pihak-pihakberkuasa tempatan manakah yang terlibat pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, rancangan penubuhan sebuah Bank Pihakberkuasa Tempatan yang pernah disarankan dahulu adalah ditangguhkan dahulu. Cadangan penubuhan bank tersebut adalah bertujuan untuk membolehkan Pihak-Pihakberkuasa Tempatan membuat pinjaman daripada bank yang dicadangkan itu dan ini boleh ditafsirkan sebagai meminjam dari bank milikan sendiri. Ini tidak selaras dengan undang-undang yang ada di negara kita mengenai sistem bank. Lagipun sudah ada banyak bank-bank perdagangan di negara kita.

Di antara faktor-faktor yang telah dikaji oleh Jawatankuasa berkenaan adalah sama ada cadangan penubuhan Bank Pihakberkuasa Tempatan itu berdaya maju atau 'viable', dengan izin dari segi ekonomi dan juga implikasinya dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai kunci kira-kira yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang jelas kerana tidak menyatakan kunci kira-kira tahun mana yang dimaksudkan. Walau bagaimanapun, sukalah saya menjelaskan bahawa bagi maksud pemberian geran tahunan mulai tahun 1992 dan tahun-tahun seterusnya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhasrat untuk mengenakan syarat iaitu mana-mana Pihakberkuasa Tempatan yang gagal mengemukakan Penyata Kewangan masing-masing untuk diaudit bagi tempoh dua tahun kebelakangan tidak akan dikeluarkan geran berkenaan kepada mereka. Ini bermakna Pihakberkuasa Tempatan yang tidak mengemukakan Penyata Kewangan bagi tahun 1989 tidak akan menerima geran berkenaan dalam tahun 1992.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan belum lagi mengambil tindakan menahan pengeluaran geran tahunan bagi tahun 1991 kerana syarat di atas hanya akan dikenakan mulai tahun hadapan (1992).

Sukalah saya memaklumkan bahawa Pihak-Pihakberkuasa Tempatan sedang berusaha menyiapkan Penyata Tahunan masing-masing, terutamanya bagi tahun-tahun yang tertunggak dengan segera. Sesetengah Pihakberkuasa Tempatan telahpun menggunakan khidmat juru-audit luar untuk membantu menyediakan Penyata Kewangan masing-masing.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Didapati ada sesetengah pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai wang

simpanan tetap yang banyak di dalam bank. Saya ingin kepastian adakah pihak Kementerian boleh mengarahkan pihak-pihak Kerajaan Tempatan ini boleh menggunakan wang simpanan itu untuk mengatasi masalah-masalah mendesak di peringkat Kerajaan Tempatan misalnya masalah banjir, perparitan, longkang dan sebagainya?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh pihak Majlis Berkuasa Tempatan adalah tanggungjawab mereka. Jika sckiranya mereka mempunyai kewangan yang kukuh untuk mengatasi masalah ini, maka sudah tentulah adalah di dalam bidang kuasa mereka untuk cuba menyelesaikan masalah seberapa banyak yang boleh dan ada juga yang tidak mempunyai kewangan akan mendapat bantuan sama ada dari Kerajaan Negeri mahupun dari Kerajaan Persekutuan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan usaha untuk menanggukkan cadangan menubuhkan bank tersebut, bilakah cadangan ini akan ditimbang semula dan apabila ia ditimbang semula, adakah kemungkinan dibentangkan satu Rang Undang-undang untuk menubuhkan bank tersebut—maksud saya untuk kunci kira-kira itu? Adakah benar sejak tahun 1983, 130 Penguasa Tempatan tidak mengemukakan penyata kewangan? Setahu saya, ada di antara 130 Penguasa Tempatan itu yang tidak mengemukakan 360 penyata kewangan. Adakah ini benar? Kalau ini benar, apakah sebabnya mereka tidak dapat mengemukakan penyata kewangan ini dan apakah usaha yang dibuat untuk memperbaiki audit dalaman dengan Penguasa-penguasa Tempatan di seluruh negara?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman saudara Ahli Yang Berhormat, pihak Berkuasa Tempatan yang terdapat di

Semenanjung Malaysia tidak termasuk Sabah dan Sarawak ialah 94, bukan 130, dan jumlah yang telah tidak mengemukakan audit akaun selama semenjak 1982 sehingga 1990 adalah sebanyak 216. Pecahan jumlah tersebut mengikut negeri ialah:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Tidak Kemuka Audit Akaun</i>
Johor	44
Kedah	17
Kelantan	26
Melaka	8
Negeri Sembilan	8
Pahang	28
Perak	34
Perlis	6
Pulau Pinang	1
Selangor	30
Terengganu	14

Seperti yang saya nyatakan di dalam jawapan saya bahawa pihak Berkuasa Tempatan sedang berusaha untuk, dengan izin, up-date, audit dalaman supaya akaun tahunan pihak Berkuasa Tempatan ini dapat diaudit sehingga membolehkan mereka mendapat geran yang telah kita syaratkan kepada mereka.

Saya difahamkan bahawa kesemua pihak Berkuasa Tempatan sedang giat untuk mengemukakan supaya akaun mereka diaudit dan sekurang-kurangnya 216 ini kalau boleh ditingkatkan dan mereka akan mengurangkan angka tahun yang tidak diaudit.

Selain daripada itu juga, pihak Kerajaan Persekutuan sedang membcri peruntukan kepada pihak-pihak yang memerlukan bantuan bagi akaun tahunan mereka diaudit supaya mereka tidak akan terjejas di dalam bantuan yang akan diberikan kepada mereka di dalam tahun 1992.

PEGAWAI PEMBANGUNAN BELIA—PERLANTIKAN

3. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah pihak Kerajaan akan melantik Pegawai Pembangunan Belia di setiap kawasan Parlimen serta Dewan Undangan Negeri di negara ini untuk mempesatkan lagi pelaksanaan segala program kebelaian dan kesukanan di masa akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian buat masa ini belum lagi bercadang untuk melantik Pegawai Pembangunan Belia di setiap Kawasan Parlimen serta Dewan Undangan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini struktur pentadbiran berasaskan kepada 3 peringkat:

- (i) peringkat ibu pejabat iaitu peringkat pusat;
- (ii) peringkat negeri; dan
- (iii) peringkat daerah ataupun bahagian bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telahpun menyediakan kertas cadangan untuk dikemukakan kepada pihak agensi pusat mengenai menyusun semula struktur organisasi Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri, Wilayah Persekutuan, bahagian-bahagian di Sabah dan Sarawak, daerah dan juga Kompleks-kompleks Belia dan Sukan Negeri.

Tujuannya adalah untuk membentuk satu struktur yang mantap, tersusun dan memenuhi tuntutan keperluan perjawatan dengan meningkatkan taraf jawatan tertentu serta mewujudkan jawatan-jawatan yang baru berasaskan justifikasi yang diperakukan.

Dengan kata lain, pihak Kementerian akan lebih responsif dan sensitif kepada

masalah-masalah yang timbul di peringkat negeri dan daerah. Pertambahan kakitangan juga akan dapat menjayakan pelaksanaan program-program yang telah dirancang terutama sekali Program Induk Belia Negara (PIBN).

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar dan setakat mana benarnya baru-baru ini apabila pegawai-pegawai Belia Daerah dijemput untuk satu seminar ataupun kursus yang dianjurkan oleh Kementerian, mereka memboikot kursus ini oleh kerana ketidakpuashatian mereka di atas beban kerja yang begitu banyak di bawah Program Induk Belia Negara? Kerana beban yang begitu banyak, mereka mengharap supaya pegawai-pegawai belia ataupun kakitangan ditambah. Adakah ini benar?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen betul-betul yakin bahawa seorang pegawai belia dan seorang kerani mampu untuk menjalankan tugas urusan belia di satu-satu daerah?

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan pertama, setakat yang Kementerian ketahui, pegawai-pegawai kami di semua peringkat memang mempunyai semangat yang tinggi, sungguhpun mereka ini dibebankan dengan tanggungjawab yang banyak. Jadi, soalan Yang Berhormat itu tidak ada unsur-unsur kebenarannya.

Soalan yang kedua, memang Kementerian Belia dan Sukan tidak begitu yakin dengan jumlah kakitangan di peringkat daerah yang ada pada hari ini. Walau bagaimanapun, buat sementara waktu ini, pihak Kementerian Belia dan Sukan telahpun mengadakan beberapa program tertentu yang berkaitan dengan perjawatan, misalnya kita telahpun mewujudkan Belia Pelopor Negara untuk membantu kakitangan katni di peringkat daerah dan juga kita telahpun

mewujudkan jawatan sukarelawan di peringkat daerah.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu bilakah kertas kerja mengenai penstrukturan yang baru dari segi perjawatan Kementerian Belia dan Sukan ini diketengahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan apa pula reaksi daripada Jabatan Perkhidmatan Awam terhadap perkara ini. Yang keduanya, saya ingin tahu sama ada Kementerian Belia dan Sukan mengiktiraf suatu kehendak ataupun demand, dengan izin, tentang wujudnya pegawai-pegawai bawahan di Pejabat Belia di peringkat kampung dan mukim, khususnya untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan kerana walaupun disebutkan telah wujud Belia Pelopor Negara, saya rasa kewujudan Belia Pelopor Negara ini juga belum lagi menyeluruh di seluruh negara.

Dato' Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, kertas kerja yang saya maksudkan tadi tetahpun kita sampaikan kepada pihak JPA pada awal tahun ini dan berdasarkan kepada beberapa siri perjumpaan dan juga perbincangan di antara pegawai-pegawai Kementerian dan juga dengan pegawai-pegawai JPA setakat ini, nampaknya pihak JPA memahami masalah yang dihadapi oleh Kementerian sekarang ini. Juga kita dapat lihat kesungguhan pihak JPA untuk menyelesaikan masalah ini dan insya Allah keputusan mengenainya akan dapat kita ketahui mungkin pada tahun hadapan iaitu tahun 1992 yang akan datang.

Mengenai soalan yang kedua itu, sukacita saya memaklumkan bahawa kalau mengikut kehendak Kementerian Belia dan Sukan memanglah kita berkehendakkan pegawai seramai yang mungkin di semua peringkat tetapi kita kena memahami masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh agensi pusat pada hari ini. Sebab itulah saya katakan tadi memadailah pada hari ini kita cuba

menyelesaikan masalah ini dengan mencari jalan kita sendiri supaya melibatkan kakitangan ataupun sektor-sektor daripada persatuan sukarela menceburkan diri bersama-sama dengan Kementerian Belia dan Sukan di semua peringkat untuk mengatasi masalah ini.

KELAS PENDIDIKAN KHAS DI KELANTAN

4. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sejauh manakah perkembangan Pendidikan Khas di negeri Kelantan di bawah Kementerian Pendidikan dan lain-lain institusi yang terlibat secara langsung dengan golongan cacat;
- (b) adakah perancangan yang sedia ada dilaksanakan secara praktikal;
- (c) apakah perancangan atau Pelan Induk yang telah dibuat untuk perkembangan berkaitan dengan Pendidikan Khas dalam jangka panjang; dan
- (d) setakat ini tidak ada penempatan Sekolah Khas yang khusus di Kelantan atau yang canggih sebagai mana yang disalurkan oleh pihak Kementerian atau pihak Jabatan Pendidikan Negeri, walaupun sekolah ini telah wujud sejak 32 tahun lebih di Kelantan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Kementerian Pendidikan telah membuka sebuah Sekolah Rendah Pendidikan Khas (Cacat Pendengaran) di Sekolah Rendah Tengku Indera Petra, Wakaf Mek Zainab di Kota Bharu dan telah melaksanakan program Integrasi Kelas Menengah Pendidikan Khas di Sekolah Menengah

Ismail Petra, Kota Bharu. Kelas-kelas Integrasi Pendidikan Khas di sekolah biasa seperti ini akan diperbanyakkan pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan juga telah merancang mengadakan sekurang-kurangnya sebuah kelas pendidikan khas di setiap daerah bagi murid-murid yang bermasalah pembelajaran atau, dengan izin, learning difficulties.

- (b) Projek sekolah atau kelas pendidikan khas yang dirancang oleh Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil kira pelaksanaan secara praktikal sekolah-sekolah atau kelas-kelas tersebut selaras dengan keperluan fizikal, mental dan emosi pelajar-pelajar sekolah atau kelas pendidikan khas. Sehubungan dengan itu perancangan projek-projek tersebut juga menitikberatkan peluang pelajar-pelajar sekolah atau kelas pendidikan khas berinteraksi dengan pelajar-pelajar biasa.
- (c) Dalam Rancangan Malaysia Keenam, pembinaan sebuah Sekolah Menengah Pendidikan Khas bagi murid-murid cacat pendengaran telah diluluskan sebagai tambahan kepada sekolah khas yang ada sekarang. Projek pembinaan sekolah ini akan mengikut 'Standard Plan' yang mengambil kira semua keperluan fizikal khas bagi menjamin proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik dan sesuai. Tapak pembinaan/projek sekolah khas ini telah dikenalpasti di Lati, Pasir Mas, Kelantan.
- (d) Kementerian Pendidikan sememangnya berhasrat untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang canggih bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran sama ada di sekolah-

sekolah biasa mahupun di sekolah-sekolah pendidikan khas. Walau bagaimanapun pelaksanaan perancangan kita adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan yang ada pada Kementerian.

Tuan Abdul Malek Munip: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa pendidikan khas lazimnya merujuk kepada murid-murid yang bermasalah sama ada dari segi mental atau fizikal iaitu seperti terencat akal, kurang pendengaran, penglihatan atau sebagainya iaitu hal-hal yang dianggap negatif, u m u n ada kalanya permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid adalah kesan langsung daripada wujudnya ciri-ciri yang positif seperti murid-murid yang terlalu cerdas otaknya.

Soalan saya ialah apakah skopnya definisi pendidikan khas itu? Adakah skopnya merangkumi kedua-duanya sekali iaitu murid-murid yang terencat dan murid-murid yang terlalu berkebolehan hingga menimbulkan masalah pembelajaran?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa sekarang, lingkungan bidang pendidikan khas pada masa kini ialah melibatkan pendidikan khas di mana kita perlukan metodologi dan juga cara-cara kemudahan pengajaran untuk pelajar-pelajar yang dikatakan terencat akal, pelajar yang **mengidap autism dan juga hyper-active children, dengan izin, yang dari segi mental mereka ini adalah dalam lingkungan yang normal intilligent, tetapi dengan kelemahan-kelemahan fizikal dan juga behaviour, dengan izin, telah menghalang mereka mendapatkan pendidikan secara biasa dalam bilik darjah yang biasa.**

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di Pertua, adakah Kementerian Pendidikan mempunyai butiran-butiran mengenai

bilangan pelajar-pelajar di Sekolah-sekolah Rendah dan Sekolah-sekolah Menengah di dalam rancangan pendidikan khas ini dan berapa peratus sebenarnya daripada pelajar-pelajar di sekolah-sekolah? Adakah satu jabatan atau unit khas di Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab khas untuk menjaga, mengembang dan merancang pendidikan khas ini?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan khas ini adalah di bawah bahagian sekolah dan juga satu unit yang khas untuk merancang bagi menumpukan pembangunan dalam bidang pendidikan khas ini. Kita juga menjalankan latihan guru-guru pendidikan khas ini di Maktab Perguruan Ilmu Khas dan di dua tiga tempat lagi yang saya tidak dapat namakan di sini di mana kita memberikan training, dengan izin, dalam bidang tertentu khususnya termasuk guru-guru yang telah mengajar dan berpengalaman dan telah dilatih menerusi maktab biasa dan dilanjutkan dalam bidang pendidikan khas ini untuk membimbing pelajar-pelajar kita yang bermasalah dalam pembelajaran khususnya dari segi visual handicap, dengan izin, kurang pendengaran (lebih kurang 5%). Ini adalah juga usaha-usaha kita di bawah unit ini di mana mengikut perancangan kita di peringkat Wilayah di dalam Rancangan Malaysia Keenam kita telah mengadakan beberapa buah sekolah khas untuk pendidikan khas ini,

Tuan Yang di-Pertua: Dia tanya berapa peratus,

Tuan Lim Kit Siang: Visual.

Dr Leo Micheal Toyad: di Dari segi peraturan pelajar-pelajar kita yang ada gekarang, saya tiada angka yang tepat di Ini dan kalau diizinkan, Saya akan menyampaikansecarabertulis

**BSKL—PENYENARAIAAN
SYARIKAT AWAM DI PAPAN
KEDUA**

**5. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul
Rahman** Menteri Kewangan

- (a) jumlah dan nilai harga saham berbayar Syarikat Awam yang telah berdaftar di kedua papan BSKL;
- (b) jumlah dan nilai harga saham berbayar Syarikat Awam yang baru didaftarkan di dalam tahun 1990/1991; dan
- (c) jumlah syarikat yang telah membuat permohonan dan diproses untuk terbitan awam pada masa kini.

Apakah punca yang menyebabkan kejatuhan pasaran saham kebelakangan ini walaupun kedudukan ekonomi negara begitu baik dan apakah langkah yang telah dan akan diatmbil bagi menarik minat pelabur untuk mclabur di Pasaran Saham BSKL.

**Timbalan Menteri Kewangan
(Tuan Abdul Ghani bin Othman):**
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini 29 buah syarikat awam telah disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur yang melibatkan 488.5 juta unit saham yang bernilai \$ 1.4 bilion. Bilangan syarikat-syarikat yang disenaraikan di Papan Kedua mewakili 9% jumlah bilangan syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur dan nilai pasaran saham syarikat-syarikat tersebut ialah 0.9% daripada jumlah nilai pasaran.
- (b) Pada tahun 1990, syarikat-syarikat baru yang disenaraikan jumlahnya 31, jumlah unit 3.435 bilion unit yang bernilai \$18.6 bilion, Untuk tahun 1991

syarikat-syarikat baru yang disenaraikan hingga kini, jumlahnya ialah 35 syarikat. bilangannya ialah 1.39 bilion unit dan harga pasaran pada tarikh 4hb Disember, 1991 ialah \$3.89 bilion. Jumlah syahkat yang disenaraikan di BSKL pada 4hb Disember, 1991 adalah 320buah syarikat dengan nilai pasaran sebanyak \$153.6 bilion melibatkan penyenaiaian 51.1 bilion unit dan 291 daripadanya adalah disenaraikan di Papan Utama dan 29 di Papan Kedua BSKL.

Jumlah permohonan untuk terbitan awam dan penyenaiaian di BSKL yang telah dikemukakan kepada Jawatan-kuasa Terbitan Modal hingga 4hb Disember 1991 adalah 23 permohonan di mana 11 adalah cadangan untuk penyenaiaian di papan utama BSKL dan 12 di papan kedua BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian akhir soalan ini Ahli Yang Berhormat telah menanya tentang sebab-sebab kejatuhan harga saham di BSKL. Saya telahpun menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada tarikh 28.11.91 dan saya tidak ada maklumat tambahan dan tidak bercadang mengulangi jawapan tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan untuk tahun 1990 dan juga 1991 bilangan syarikat yang memohon untuk papan yang pertama dan juga papan kedua dan perutusan yang diluluskan secara kasar? Apakah sebab-sebab ianya ditolak?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis kepada soalan itu. Saya tidak ada maklumat.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang terhormat dulu mengenai dengan soalan akhir, Yang Berhormat ada

menyebut bahawa sektor pemasaran saham di negara kita masih lagi didominatekan, dengan izin, oleh elemen spekulasi.

Soalan saya ialah bilakah perkara negatif ini akan luput di mana pembeli-pembeli saham akan berasaskan pembliannya kepada earning melalui dividen?

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berapa banyakkah pembelian saham di papan kedua yang dibuat oleh institutional buyers, dengan izin.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, elemen spekulasi di pasaran boleh kita kesan melalui kegiatan-kegiatan jual-beli yang semata-mata mengharapkan kepada harga yang jauh berbeza daripada asas-asas yang lebih kukuh lagi yang sewajarnya diambil kira oleh pihak pelabur. Seinggakan apabila kita melihat nisbah harga dengan pendapatan ataupun dengan izin, carning agak begitu tinggi. Ini menggambarkan ciri-ciri spekulasi dalam pasaran. Oleh yang demikian, apabila Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap menanya bila agaknya suasana pasaran dapat terhindar daripada ciri-ciri spekulasi ini, maka saya pernah berhujah mengatakan bahawa makin lama melalui proses kematangan dalam pasaran di mana pelabur-pelabur mempunyai sumber-sumber yang berbagai-bagai untuk menilai syarikat-syarikat, saham-saham bahkan industri dan ekonomi pada keseluruhannya.

Misalnya, pada hari ini pihak PNB telahpun mengeluarkan satu edarannya mengenai prestasi syarikat-syarikat yang ada lebih kurang 750 berdasarkan kepada prestasinya. Dalam kajian tersebut dikatakan bahawa keuntungan agak naik jauh lebih tinggi pada kadar 73% dibandingkan antara tahun 1987, 1988/1989, 1989/1990. Oleh yang demikian, saya menyarankan supaya masyarakat pelabur lebih merujuk kepada perkara-perkara yang asas

seperti prestasi syarikat-syarikat yang disenaraikan kerana itulah sebenarnya sumber-sumber pendapatan yang boleh dinikmati dalam jangka masa yang panjang oleh masyarakat pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua itu saya tidak ada maklumat yang tepat mengenai peranan pelabur institusi dalam papan kedua. Saya perlukan kepada notis.

PILIHANRAYA—MEWAJIBKAN PENGUNDIAN

6. **Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewajibkan pengundian dan sekiranya tidak, untuk menyatakan sebab-sebab mengapa Kerajaan tidak bercadang untuk berbuat demikian.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mewajibkan pemilih-pemilih yang berdaftar keluar mengundi ketika pilihanraya Kerajaan berpendapat bahawa sistem yang ada sekarang adalah memuaskan dengan memberi kebebasan kepada rakyat menggunakan hak mereka sebagai warganegara tanpa sebarang paksaan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam konteks kebebasan untuk memilih sendiri, kadang-kadang Kerajaan di sesebuah negara boleh membuat undang-undang yang nampaknya bercanggah dengan kehendak-kehendak demokrasi. Jadi kalau undang-undang untuk memaksa seseorang itu mengundi ini dibuatkan satu undang-undang, adakah pada pandangan Kerajaan ini juga adalah satu-satunya undang-undang yang boleh dikatakan bad law, oppressive law atau repressive law.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebab sehingga sekarang kita tidak ada bercadang untuk mengubah undang-undang yang sedemikian.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya hampir sama iaitu adakah Kerajaan berpandangan bahawa....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau hampir sama tidak'payah bangunlah.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Ada yang kedua. Dan soalan yang kedua....

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang kedua. Jangan sebut yang pertama itu. Sila.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Soalan yang kedua, adakah pihak Kerajaan berpandangan bahawa di dalam kebebasan hak demokratik kepada rakyat, kita boleh menerima pandangan yang menolak sistem ini. Seumpamanya ada kumpulan yang mengatakan bertentangan, apa cara pilihanraya yang ada pada hari ini bertentangan dengan hukum Islam dan hukum Islam tidak membenarkan mengundi seperti pengundian hari ini. Maka kita tidak harus mengundi dan sebahagian daripada pengundi kita tidak mengundi. Ada tempat di dalam sistem kiu untuk pandangan yang seperti ini. Adakah ini lebih demokratik daripada yang sedia ada?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, apa-apa tindakan ataupun rayuan untuk melarang sesiapa mengundi tidak boleh dianggap lebih demokratik dari sistem yang ada sekarang.

BAHAN RADIOAKTIF DAN RADAS PENYINARAN— KAWALAN PENGGUNAAN

7. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kerajaan mengawal hospital-hospital Kerajaan dan swasta yang menggunakan bahan radioaktif dan sinar X di dalam perubatan seperti X-Ray dada, gigi dan lain-lain.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chln Fah Kui); Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penggunaan bahan-bahan radioaktif dan radas penyinaran oleh hospital-hospital dan klinik swasta di negara ini adalah dikawal melalui proses pengeluaran lesen oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengikut kehendak-kehendak undang-undang yang termaktub di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom, 1984.

Manakala bagi hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan pula, kawalan penggunaan bahan-bahan radioaktif dan radas penyinaran dibuat melalui kaedah-kaedah pentadbiran seperti pengeluaran garis panduan serta menyedia dan menjalankan program-program kawalan mutu di tiap-tiap hospital Kerajaan. Walau bagaimanapun Kerajaan sedang berusaha untuk meminda Akta Pelesenan Tenaga Atom, 1984 bagi membolehkan hospital Kerajaan dikawal di bawah Akta tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun Yang Berhormat telah sebutkan ada kaedah-kaedah yang tertentu untuk mengawal selia bahan-bahan radioaktif dan sinar-X yang disebutkan tadi, adakah Kerajaan bercadang untuk membenteng satu rang undang-undang yang lebih ketat lagi untuk mengawal selian bahan-bahan seperti ini, contohnya laser. Saya

tidak pernah dengar bahan-bahan seperti laser disebutkan di sini yang sekarang digunakan dengan berleluasa. Kalau sekiranya tidak dikawal dengan rapi akan merosakkan manusia. Adakah pihak Kerajaan akan mencadangkan satu rang undang-undang yang baru untuk merangkumi semua bahan seperti ini supaya tidak akan berlakunya kesilapan dan kecacatan ke atas rakyat Malaysia?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, jawabnya ada.

Tuan Wahab bin Suhaili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa sekiranya penipisan lapisan ozon di muka bumi ini mencapai tahap yang paling minima, manusia akan terdedah kepada bahaya penyakit kanser kulit disebabkan adanya radio-aktif dan sinar-X dalam pancaran cahaya matahari itu. Dalam konteks yang sama adakah terdapat kes mengenai kanser kulit berlaku kepada pesakit-pesakit yang menerima rawatan yang melibatkan radio-aktif dan sinar-X di hospital Kerajaan dan swasta. Jika ada, berapa peraluskah yang dialami oleh pencinta alam.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan ini memima jawapan yang terperinci tentang subjek-subjek yang bukan dibincangkan di dalam soalan ini iaitu dari segi kanser kulit dan sebagainya. Pada umumnya, saya hendak memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan mengambil berat tentang perkara radio-aktif dan sinar-X di mana ia digunakan di dalam negara ini. Oleh sebab itu maka kita ada Akta tersebut untuk mengawal kegunaan bahan-bahan seperti ini dan kita akan mempertingkatkan lagi kawalan tentang bahan-bahan tersebut untuk keselamatan rakyat.

FELDA—PENSWASTAAN PROJEK PEMBANGUNAN TANAH

8. **Dato' Haji Mohd. Abu Bakar bin Rautn Ibrahim** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan perkembangan penswastaan projek pembangunan tanah FELDA.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua, projek pembangunan tanah FELDA sebenarnya bukan diswastakan tetapi akan diuruskan mengikut sistem syarikat iaitu bagi rancangan-rancangan yang belum ditempatkan peneroka mulai 1 Januari, 1990. Syarikat yang menguruskan rancangan ini adalah syarikat yang ditubuhkan oleh FELDA di mana pegangan ekuiti FELDA adalah 51% manakala 49% lagi dipegang oleh pekerja ladang syarikat.

Sehingga ini sejumlah 149 buah rancangan dengan keluasan 246,675 hektar dikenalpasti untuk diuruskan secara syarikat. Pengurusan rancangan secara syarikat ini akan dilaksanakan setelah persediaan perundangannya diselesaikan.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya ingin tahu sama ada peneroka-peneroka FELDA yang terlibat sebelum tahun 1990 akan dipaksa untuk membeli ataupun menjadi ahli kepada syarikat, dan adakah mereka yang tidak ingin menyertai syarikat yang dicadangkan itu akan diambil tindakan ataupun tanah-tanah yang telah mereka teroka itu akan diserahkan oleh mereka sekali gus dengan hak milik tanah yang mereka terokai itu.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari: Untuk menjelaskan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan yang mulia ini agar ianya jelas sekali gus, saya ingin menyatakan di sini bahawa rancangan yang akan diuruskan secara syarikat ini, hanya akan dimulai kepada rancangan-rancangan yang belum

berpeneroka bermula dari 1 Januari, 1990. Ertinya, semua peneroka-peneroka rancangan FELDA yang sebelum ini tidak akan dipaksa, tidak di suruh, tidak akan melakukan kesalahan kalau mereka tidak menyertai rancangan ini, kerana rancangan ini bukan untuk mereka. Rancangan yang akan dilaksanakan mengikut syarikat ini ialah untuka mereka yang tidak bertanah, yang ingin menjadi peneroka FELDA. Oleh oleh kerana FELDA sudah berubah di mana FELDA kini sebenarnya dimiliki oleh peneroka dan FELDA, maka mereka akan di letakkan di bawah satu sistem yang berbeza dengan peneroka-peneroka sebelum 1.1.1990.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat tahu mengenai dua perkara:

- (i) sejak rancangan tanah baru ini di buka, bagaimanakah sambutan yang diberikan oleh peserta-peserta bagi penyertaan rancangan tersebut;
- (ii) dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, berapa banyakkah lagi rancangan tersebut akan dilaksanakan dan berapakah kemungkinan peserta-peserta akan menyertai rancangan tersebut.

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama dan sebagai maklumat kita bersama, ada sebanyak dua buah skim FELDA telah dikenalpasti untuk dimulakan sebagai rancangan secara syarikat iaitu FELDA Selancar 6 di mana pekerja yang diperlukan F E L D A

Selendang 2—pekerja yang diperlukan seramai 177 orang dan yang memohon untuk memasuki skim cara baru ini adalah seramai 1,137 orang.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan di awal tadi bahawa untuk masa-masa akan datang ini telah dikenalpasti sebanyak 149 buah rancangan yang akan di uruskan secara syarikat.

KKRJA-KERJA PEMBERSIHAN SUNGAI DI SARAWAK

9. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan tentang pelaksanaan kerja-kerja pembersihan Sungai Sarawak dan Sungai-sungai lain seperti Sungai Tabuan yang sangat kotor serta tercemar. Keadaan sungai ini membimbangkan dan akan menjejaskan imej negeri Sarawak khasnya, bagi bandar Kuching dalam tarikan pelancongan,

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar ada menjalankan pengawasan kualiti air dan sungai-sungai negeri Sarawak. Berdasarkan kepada keputusan analisa contoh air sungai yang diambil dari sungai-sungai di sekitar daerah Kuching, adalah didapati bahawa paras Coliform dan E. Coli, dengan izin, adalah tinggi dan melebihi piawai kebangsaan bagi kualiti air di Malaysia. Punca masalah pencemaran ini adalah dari kumbahan mentah dan kumbahan yang separa diolah yang dilepaskan ke dalam sungai-sungai.

Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar tidak mempunyai sebarang stesyen pengawasan di sungai Tabuan. Pada masa ini langkah-langkah akan diambil untuk menubuhkan stesyen pengawasan di sungai tersebut supaya penilaian kualiti air dapat dijalankan dari masa ke masa.

Berhubung dengan kerja-kerja pembersihan sungai, sepanjang pengetahuan saya, Kerajaan Negeri Sarawak sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai

bagi melaksanakan program ini bagi memastikan imej bandaraya Kuching akana terus kekal sebagai Pusat Tarikan Pelancong.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu kepada Dewan yang mulia ini sebab-sebab kenapa pencemaran di kawasan Kuching begitu teruk sebab ia belum menjadikan sebuah bandaraya besar tetapi sudah terdapat banyak industri-industri?

Soalan yang kedua, tentang masalah bidangkuasa dan penguatkuasaan oleh Kementerian berkenaan. Oleh sebab industri-industri, peniaga-peniaga dilesenkan oleh pihak Kerajaan Negeri, sebab selalunya tanah adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri, maka bagaimanakah boleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di peringkat Pusat membincangkan masalah ini dengan Kerajaan Negeri Sarawak supaya kedua pihak boleh memasukkan syarat-syarat EIA dan undang-undang alam sekitar ke dalam syarat-syarat lesen dalam meluluskan industri-industri berkenaan? Itu sahaja.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-pertua, mengenai soalan yang penama, saya rasa saya sudah menjelaskan tadi mengenaipunca-punca pencemaran sungai Sarawak di daerah Kuching. Pada masa sekarang wujudnya pelepasan kumbahan mentah dan kumbahan yang separuh diolah dan dilepaskan kepada sungai-sungai tersebut. Pihak Kerajaan Tempatan iaitu Bandaraya Kuching buat masa sekarang belum menjalankan projek pembedungan pusat (central sewerage system) di Kuching. Maka oleh sebab itu terdapat kumbahan-kumbahan ini sebelum diolah dan dilepaskan terus ke sungai tersebut. Tetapi dengan adanya sistem pembedungan itu, cara pencemaran melalui paras Coliform dan E Coli akan dapat dikurangkan.

Mengenai soalan yang kedua, memang pihak Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar sangat berharap untuk mendapatkan suatu cara pelaksanaan untuk membersihkan sungai Sarawak dan juga termasuk lain-lain sungai. Oleh kerana sesuatu projek pembangunan itu ada berkaitan dengan lain-lain pihak berkuasa seperti pihak Jabatan Tanah dan pihak Kerajaan Tempatan, maka penyelarasan untuk mengawal sesuatu kerja itu adalah bukan mudah. Oleh sebab itu kita akan mempertingkatkan lagi tahap penyelarasan dan Kementerian saya buat masa sekarang adalah menjalankan satu tugas untuk mengkaji semula undang-undang yang sedia ada supaya tahap penyelarasan ini dapat dipertingkatkan lagi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya berhubung dengan Bandar Kuching. Sebagaimana yang kita ketahui, Bandar Kuching mempunyai dua golongan masyarakat dan semasa pilihanraya Parlimen dahulu ternyata sekali sebahagian daripada masyarakat di Kuching menyokong pihak DAP. Jadi, kalau kita mengenakan satu-satu syarat kepada satu-satu lesen yang diberikan kepada masyarakat yang berniaga ataupun berusaha di Kuching itu, tentulah akan mendatangkan suatu bebanan kepada masyarakat tertentu. Jadi, dalam pandangan pihak Kementerian, adakah ini akan mendatangkan satu masalah atau dapatkah kita mendapatkan kerjasama dan pertolongan daripada pihak DAP dalam melaksanakan rancangan perubahan syarat itu?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya saya jawab soalan itu. Jawapannya ialah....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tak usahlah. Yang Bandar Kuching, tak usahlah. Tak boleh jawab.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, jawapnya ialah saya rasa

sukarlah untuk kita mendapat kerjasama dari pihak DAP.

PROGRAM LATIHAN PEKERJA DI BIDANG KEMAHIRAN TEKNIKAL

10. Tuan Ong Tin Kim minta Menteri Sumber Manusia menyatakan adakah apa-apa rancangan-rancangan atau skim dalam Kementerian untuk membantu dan menggalakkan pihak swasta, usahawan-usahawan, ladang-ladang untuk mengadakan program-program, kursus-kursus melatih pekerja-pekerja dalam bidang teknikal kemahiran. Jikalau ada, bagaimana sembulan dari pihak swasta.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, untuk menggalak serta membantu sektor swasta secara menyeluruh melatih pekerja-pekerjanya dalam bidang kemahiran teknikal, langkah-langkah serta rancangan yang dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia adalah seperti berikut;

- (i) Kementerian telah melaksanakan skim insentif potongan dua kali semenjak tahun 1987 di mana syarikat-syarikat dalam industri pembuatan dibenarkan potongan cukai dua kali ke atas perbelanjaan untuk latihan yang diluluskan. Pada akhir tahun 1989, bidang skim ini diperluaskan untuk meliputi juga syarikat-syarikat kecil dalam sektor pembuatan yang melatih pekerja-pekerja di institusi-institusi latihan tertentu. Pada tahun 1991 bidang skim ini diperluaskan sekali lagi untuk meliputi juga semua syarikat-syarikat kecil, sederhana dan besar di dalam sektor pembuatan serta bukan pembuatan.
- (ii) Menambah bilangan institusi latihan perindustrian (ILP)

yang berperanan mengeluarkan tenaga kerja terlatih. Sejak tahun 1989 lima buah ILP baru telah beroperasi menjadikan sepuluh institut kesemuanya. Dari tahun 1986—1990, ILP telah mengeluarkan seramai 7,224 tenaga buruh mahir dan separuh mahir. Antara tahun 1991—1995, dianggarkan ILP akan mengeluarkan seramai 15,200 tenaga kerja terlatih dalam berbagai bidang kemahiran teknikal. Di samping itu, ILP terdapat juga sebuah pusat latihan lanjutan di bawah Kementerian iaitu Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan yang berperanan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja industri di peringkat lanjutan.

- (iii) Merangka kursus khas iaitu kursus customerised untuk memenuhi keperluan majikan bagi latihan dalam bidang-bidang tertentu. Kumpulan sasaran bagi kursus customerised ialah pekerja-pekerja industri. Tujuan utama kursus ini adalah untuk meningkat atau mengubahsuai kemahiran pekerja-pekerja industri sesuai dengan perubahan dalam operasi kerja atau barangan. Kursus ini disediakan di atas permintaan majikan dan kandungan kurikulumnya dirangka setelah dibincang bersama antara majikan dan institut.
- (iv) Menggalakkan penggunaan pusat-pusat latihan Kerajaan untuk sektor swasta melatih pekerja-pekerjanya.
- (v) Kementerian Sumber Manusia juga sedang dalam proses menyediakan Skim Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang akan ditubuhkan melalui sumbangan levi sebanyak 1% dari jumlah gaji bulan untuk

tujuan membiayai kos latihan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang membuat sumbangan. Tabung ini akan diuruskan bersama oleh sektor swasta dan pihak Kerajaan.

Setakat ini, sambutan dan penglibatan pihak swasta amatlah menggalakkan. Kebanyakan kursus yang dijalankan mendapat sokongan dan penyertaan baik pihak tersebut. Selain daripada penyertaan pelatih-pelatih dari pihak swasta dalam program-program latihan di ILP, sokongan lain juga diterima dalam berbagai bentuk seperti berikut:

- (a) penglibatan anggota teknikal dari pihak swasta dalam menggubal dan mengemaskini kurikulum latihan;
- (b) sumbangan peralatan, bahan-bahan latihan bercicak;
- (c) penempatan pelatih di premis pihak swasta bagi tujuan latihan sambil bekerja; dan
- (d) penglibatan anggota teknikal dari pihak swasta dalam Jawatan-kuasa Penasihat kepada setiap institut.

Sambutan terhadap skim insentif potongan dua kali daripada pihak swasta adalah juga memuaskan di mana bagi tempoh Oktober 1986 hingga Jun 1991 sebanyak 219 program telah diluluskan melibatkan sejumlah 1,144 pekerja dan kos latihan berjumlah S\$5.56 juta.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mendengar bahawa antara program yang dirancangan termasuklah program di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang mana telah diberitahu 1% daripada gaji pekerja-pekerja akan dikenakan kepada syarikat. Saya ingin tahu sama ada Kementenan akan mengenakan 1% gaji daripada pekerja ataupun daripada syarikat-syarikat yang menjadi ahli kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia.

Yang kedua, saya ingin tahu bilakah program ini akan dimulakan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Sumber Manusia dijangka dapat dibentangkan di Parlimen di sesi tahun hadapan. Tetapi detail-detail belum ditentukaa. Oleh sebab itu saya tidak dapat memberi jawapan kepada soalan ini sekarang.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi dalam jawapan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dikatakan ada insentif potongan cukai dua kali bagi projek-projek untuk melauh pekerja-pekerja. Saya hendak tahu selain daripada insentif ini adakah apa-apa insentif-insentif atau bantuan-bantuan lain yang akan diberi kepada pihak swasta ataupun syarikat-syarikat untuk mewujudkan kelas-kelas atau kursus-kursus (courses) bagi melatih pekerja-pekerja dalam bidang teknikal.

Kedua, saya hendak tahu adakah jabatan-jabatan ditubuh atau diwujudkan dalam Kementerian Sumber Manusia untuk menyelaraskan program-program, kursus-kursus dan aktiviti-aktiviti melatih pekerja-pekerja ini?

Yang ketiga, saya hendak tahu....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup dua soalan Yang Berhormat.

Tuan Ong Tin Kim: Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan yang pertama, jawapannya tidak.

Menjawab soalan yang kedua, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Saidin bin Adam.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Saidin bin Adam tidak hadir)

**LESEN MENANGKAP IKAN DI
TERENGGANU—
PENGGANTUNGAN**

12. Tuan Haji Abdul Hadi bin Huji Awang minta Menteri Pertanian menyatakan kenapakah Jabatan Perikanan Malaysia menggantung 4 lesen menangkap ikan di Kuala Besut, Terengganu di mana dua daripadanya telah dibebaskan dan dua lagi masih ditahan. Atas alasan apakah penggantungan tersebut masih berkuatkuasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perikanan Malaysia telah menggantung 4 lesen bot serta peralatan menangkap ikan di Kuala Besut kerana bot-bot tersebut menggunakan nelayan asing tanpa kebenaran Jabatan. Keempat-empat buah bot tersebut telah dibebaskan setelah Jabatan berpuas hati atas kesanggupan pemiliknya yang tidak akan menggunakan pekerja asing lagi. Pada masa ini bot-bot tersebut telah dibebaskan dan sedang beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11, 13 hingga 21 adalah diberi di bawah ini)

**MAULIDUR-RASUL—
RANCANGAN BERCORAK
KEAGAMAAN DI TV**

11. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri penerangan menyatakan mengapakah Televisyen Malaysia tidak memperbanyakkan rancangan-rancangan bercorak keagamaan dalam siarannya sempena menyambut Maulidur-Rasul pada 20hb September, 1991 yang lalu.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey): Sempena menyambut Maulidur-Rasul pada 20hb September, 1991 RTM melalui TV1 telah menyiarkan lebih kurang 8 jam rancangan mengenai agama Islam iaitu 50% daripada jumlah masa siaran pada hari Jumaat tersebut. Ini secara bandingan, lebih banyak masa siaran daripada hari Jumaat lain di mana siaran agama adalah lebih kurang 3 jam sahaja. Ini bermakna waktu siaran yang bercorak agama Islam pada hari tersebut telah ditambah sebanyak 5 jam.

**BANCI PENDUDUK—
MAKLUMAT ORANG CACAT**

13. Dr Kua Kia Soong minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah mereka yang cacat dan pesakit yang tidak dapat diubati (terminally ill) tidak terkandung di dalam banci populasi negara sedangkan Kerajaan sering mendakwa bahawa ia ingin mewujudkan suatu masyarakat penyayang.

Tuan Othman bin Abdul: Adakah diakui bahawa maklumat mengenai orang-orang cacat dan pesakit yang tidak dapat diubati (terminally ill) adalah penting dalam perancangan negara. Walau bagaimanapun, kaedah banci tidak sesuai untuk mengumpulkan maklumat mengenai orang cacat dan pesakit yang tidak dapat diubati dalam sesuatu operasi yang besar seperti banci Penduduk dan Perumahan dalam tempoh pembancian yang terlalu suntuk. Konsepnya juga, terutamanya bagi orang cacat, adalah kompleks dan rumit serta tidak mudah difahami oleh kebanyakan orang terutamanya para pembanci.

**MASALAH SOSIAL—PROGRAM
KHAS DI TV**

14. Tuan Wong Wing On minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada TV1 dan TV2 sedia mengadakan

program khas setiap hari untuk memberi maklumat kepada orang ramai tentang pemuda-pemudi yang melarikan diri dari keluarga supaya usaha mengatasi masalah sosial ini dapat menjadi lebih efektif.

Tuan Railey bin Haji Jaffrey: RTM sejak mula siarannya telah menyiarkan berbagai-bagai rancangan yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh muda-mudi. Turut disiarkan juga rancangan-rancangan yang menonjolkan cara menghadapi masalah hidup dan cara mengatasinya dan juga cara mengukuhkan diri mereka supaya tidak mudah diperlemahkan oleh masalah-masalah hidup. Ini ditujukan baik kepada ibu bapa dan muda-mudi. Dengan lain perkataan, objektif menyiarkan rancangan-rancangan tersebut adalah supaya ianya memberi kesan secara objektif dan positif dan juga pemahaman yang bererti terhadap hidup mereka supaya mereka tidak mengikuti amalan-amalan yang tidak sihat.

Adalah diharapkan siaran rancangan ini dapat mengurangkan masalah muda-mudi seperti tekanan jiwa yang diakibatkan oleh keadaan sekeliling dan pengaruh dari orang-orang dewasa. Adalah diharapkan siaran-siaran ini akan mewujudkan satu masyarakat penyayang.

Pada masa ini RTM tidak menyiarkan program-program khas melalui TV yang memberi maklumat kepada orang awam tentang muda-mudi yang melarikan diri. Kementerian ini akan mengkaji perkara ini dan jika didapati benar-benar perlu dan berkesan dalam menghadapi masalah anak-anak dan muda-mudi melarikan diri, satu program khas boleh disiarkan pada masa akan datang.

**PEPERIKSAAN BAHASA
MALAYSIA SEKOLAH
KEBANGSAAN**

15. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilangan murid-murid SRJK(C) dan SRJK(T) yang memilih Kertas Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan dalam UPSR tahun 1991 mengikut pecahan negeri;
- (b) bilangan kelulusan murid-murid SRJK(C) dan SRJK(T) yang memilih Kertas Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan dalam UPSR tahun 1991 mengikut pecahan negeri; dan
- (c) bilangan murid-murid yang tersebut di atas (b) yang berjaya terus masuk ke Tingkatan Satu pada Disember ini mengikut pecahan negeri.

Dr Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan murid SRJK(C) dan SRJK(T) yang mengambil peperiksaan Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan—Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 1991 mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Murid SRJK(C)</i>	<i>Bil. Murid SRJK(T)</i>
Perak	2,428	153
Selangor	1,893	89
Pahang	325	14
Kelantan	139	0
Sabah	321	0
Johor	1,555	62
Kedah	580	48
Melaka	372	40
Negeri Sembilan	426	123
Pulau Pinang	849	23
Perlis	135	4
Sarawak	604	0
Terengganu	106	0
W. Persekutuan	1,870	0
Jumlah:	11,603	599

- (b) dan (c) Bilangan murid SRJK(C) dan SRJK(T) yang lulus dalam Kertas Bahasa

Malaysia Sekolah Kebangsaan dan berjaya masuk ke Tingkatan I pada Disember ini mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bil. Murid SRJK(C)</i>	<i>Bil. Murid SKJK(T)</i>
Perak	536	16
Selangor	474	6
Pahang	110	1
Kelantan	57	0
Sabah	53	0
Johor	407	6
Kedah	186	4
Melaka	108	4
Negeri Sembilan	207	17
Pulau Pinang	215	1
Perlis	5	1
Sarawak	108	0
Terengganu	46	0
W. Persekutuan	509	0
Jumlah:	3,021	56

KES SIVIL/JENAYAH YANG BELUM DIBICARAKAN— BILANGAN

16. Tuan Yim Chee Chong minta Menteri Kehakiman menyatakan:

- (a) sehingga kini berapakah jumlah kes-kes yang masih belum dibicarakan di mahkamah-mahkamah dalam negara kita; dan
- (b) apakah langkah yang diambil untuk mempercepatkan perbicaraan kes-kes tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar);

- (a) Bilangan kes-kes sivil dan jenayah yang belum diselesaikan di mahkamah-mahkamah Seme-

nanjung Malaysia sehingga bulan Jun 1991 ialah sebanyak 434,011 dan pecahannya adalah seperti berikut:

(a) Mahkamah Tinggi	-	93,386
(b) Mahkamah Sekyen	-	88,495
(c) Mahkamah Majistret	-	252,130

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, soalan (b) ini telah dijawab melalui pertanyaan Yang Berhormat Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin pada 6.11.1991. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

PROJEK PERUMAHAN TERBANGKALAI

17. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) bilangan projek dan bilangan unit perumahan yang terbengkalai mengikut negeri hingga sekarang; dan
- (b) langkah yang dibuat untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Osu bin Haji Sukam:

- (a) Jumlah projek perumahan yang masih terbengkalai sehingga sekarang adalah sebanyak 235 buah yang melibatkan 57,013 unit rumah. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Negeri</i>	<i>Bil. Projek</i>	<i>Bil. Rumah</i>
1.	Perlis	10	1,083
2.	Kedah	8	2,517
3.	Pulau Pinang	20	4,178
4.	Perak	32	7,553
5.	Selangor	31	9,106
6.	Wilayah Persekutuan	8	4,154
7.	Negeri Sembilan	25	6,094
8.	Melaka	18	3,458
9.	Johor	36	14,245
10.	Kelantan	18	1,960
11.	Terengganu	16	628
12.	Pahang	13	2,037
Jumlah:		235	57,013

(b) Menyedari masalah-masalah yang dihadapi oleh semua pihak yang terlibat dalam projek perumahan terbengkalai, usaha-usaha pemulihan telah diambil oleh pihak-pihak yang tertentu. Antara langkah-langkah pemulihan yang diambil ialah:

(i) Penubuhan Tabung Projek Perumahan Terbengkalai (TPPT) dan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU). Sejak ditubuhkan TPPT dan TPU telah banyak membantu menyelesaikan masalah projek terbengkalai. Antara langkah-langkah yang diambil oleh TPPT dan TPU ialah melantik juruperunding-juruperunding mengkaji permohonan pinjaman dari pemaju-pemaju dan meluluskan bantuan kewangan kepada projek-projek yang berdaya maju;

(ii) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga telah mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah projek perumahan terbengkalai dengan beberapa cara seperti berikut:

- (1) membantu dan memastikan pemaju-pemaju perumahan terbengkalai yang layak untuk membuat permohonan pinjaman dari Tabung Projek Perumahan Terbengkalai dan juga Tabung Pemulihan Usahawan bagi memulihkan projek perumahan terbengkalai;
- (2) mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli

rumah untuk memberi penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil untuk memulihkan projek;

(3) mengadakan perbincangan dengan bank/institusi kewangan dan agensi berkenaan serta sipemiutang yang terlibat;

(4) menjalankan kajian kemungkinan (feasibility study) ke atas projek yang berkenaan berhubung dengan kedudukan kewangan dan tahap kemajuan pembinaan;

(5) mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan projek-projek perumahan terbengkalai dipulihkan melalui beberapa cara yang sesuai seperti penyerahan projek kepada Jawatankuasa Pembeli dengan kerjasama tuan tanah sekiranya perlu; dan

(6) mengawasi kerja-kerja pembinaan yang dijalankan dari masa ke semasa setelah pemulihan dimulakan.

(iii) Langkah-langkah pengawasan untuk mengalakkan berlakunya projek-projek perumahan terbengkalai yang ditakukan dari semasa ke semua bagi mengesan dan mengenalpasti projek-projek yang

menghadapi masalah dan membantu mereka mengatasi masalah-masalah yang berbangkit. Kerajaan juga telah mewujudkan Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pemaju Perumahan) 1991 yang berkuatkuasa pada 26hb Ogos, 1991 bertujuan memastikan pengaliran wang keluar bagi akaun berkenaan hanya untuk menyiapkan projek perumahan yang sedang dimajukan sahaja.

(Soalan No. 18—Sila lihat jawapan pada 28.10.91)

PROJEK PERGAU—PEMBINAAN

19. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sejauh mana persetujuan dicapai dengan Kerajaan Kelantan dalam pembinaan projek Pergau dan bolehkah Dewan ini mengetahui persetujuan itu. Apakah persetujuannya;
- (b) apakah jaminan bahawa orang tempatan diberi keutamaan dalam menjayakan projek tersebut dan sila sebutkan bilangan syarikat yang dimiliki oleh orang Kelantan dan yang bukan orang Kelantan yang sudah dikenalpasti diberi peluang menjayakan kerja-kerjanya;
- (c) jika penglibatan orang luar Kelantan menjadi pilihan, apakah sebab-sebab ia tidak diberikan kepada orang Kelantan; dan
- (d) sejauh mana Kerajaan Negeri Kelantan boleh campurtangan dalam mendapatkan peluang kontrak pekerjaan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Saya telahpun menjawab soalan ini semasa menjawab soalan No. 6 dari Yang Berhormat dari Tumpat pada 29hb. November 1991. Saya tidak ada apa-apa untuk menambah lagi.

TARIAN SINGA—ACARA HARI KEBANGSAAN

20. Tuan Lim Hock Seng minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan mengapa dalam perarakan atau acara menyambut Hari Merdeka, tarian singa tidak dibenarkan.

- (c) mengapa tarian singa tidak dapat diterima sebagai antara satu kebudayaan rakyat Malaysia; dan
- (b) bolehkah satu arahan yang tepat dan terang dirasmikan supaya pertikaian peranan tarian singa dalam aturcara rasmi dapat diselesaikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Abdul Raman bin Suliman): Adalah tidak benar bahawa larian singa tidak dibenarkan dalam acara perarakan atau dalam acara menyambut Hari Kebangsaan. Jika didapati sesuai dan wajar mengikut tema perayaan, maka tarian singa boleh diterima sebagaimana diadakan dalam tahun 1988.

- (a) Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan menerima tarian singa sebagai satu 'kebudayaan' rakyat kaum Cina.
- (b) Memandangkan bahawa tidak ada pertikaian atau kekeliruan, maka tidaklah ada satu garis-panduan rasmi mengenai tarian singa itu.

**PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN—RUANG
PELAKSANAAN HUKUM HUDLD**

21. Tuan Haji Buniyamin bi Yaakob minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan undang-undang Islam seperti hudud dapat dilaksanakan oleh negeri-negeri yang hendak melaksanakannya tetapi terhalang oleh Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Othman bin Abdul: Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang sedia ada mentapkan bahawa perkara berhubung dengan undang-undang Islam adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Pelaksanaan undang-undang Islam atau hukum Syarak termasuk soai hudud bagi mereka yang menganuli agama Islam adalah juga di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri bersama dengan Dewan Undangan Negeri. Soal Perlembagaan Persekutuan menghalang pelaksanaan tidak timbul dan memandangkan demikian, Kerajaan Persekutuan tidak ada sebarang cadangan bagi meminda Perlembagaan Persekutuan tersebut.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMBATALAN PENGECUALIAN
DARIPADA BAYARAN DUTI-
DUTI SETEM**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memusnahkan peruntukan yang terkandung di dalam Akta-akta dan Ordinan yang dinyatakan di dalam Jadual yang memperuntukkan pengecualian daripada Bayaran Duti-duti Setem dan yang jika kerananya kena

dibayar di bawah Akta Setem 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PROFESION UNDANG-UNDANG
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1992**

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
1992**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis," (Hari Kesepuluh)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*(Tuan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)*

Maksud B.33 (Jadual-Maksud P.33 (Anggaran Pembangunan, 1992)-

Tuan Peugerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Kepala Bekalan B.33 dan P.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, sila sambung. Yang Berhormat ada lima minit lagi.

3.36 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku JaaTar (Batang Lupar): Alamak, lima minit. Saya bercakap sepuluh minit semalam dan sebelum tidur, mendapat banyak idea baru, tetapi tidak boleh bercakap hari ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi, lima minit, lima minitlah.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat menghilangkan masa itu. (*Ketawa*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Mengenai Majlis Amanah Rakyat, saya telahpun sebutkan semalam dalam bidang pembangunan usahawan dan program-program perniagaan.

Hari ini ingin saya menyentuh sedikit di bawah Butiran 00600 di bawah Tajuk 03 dan 04 Institut Kemahiran MARA.

Saya berterima kasih dan sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak MARA kerana telah menubuhkan satu Institut Kemahiran MARA di Sarawak yang mana telah menolong kita untuk melatih rakyat Malaysia di Sarawak dalam bidang kemahiran terutamanya di bidang kemahiran pertukangan kayu dan elektronik. Tetapi apa yang mongokelwakan ialah kadang-kadang pelatih-pelatih yang telah ataupun hampir tamat dalam latihan mereka, terutama sekali dalam bidang kemahiran pertukangan dan bidang pembinaan telah menjadi satu bahan buruh harga murah (*cheap labour force*) bagi pihak-pihak pemaju. Adalah jadi amalan pihak pemaju di

Sarawak apabila hampir tamat pelatih-pelatih di IKM, mereka datang berduyun-duyun ke IKM dengan alasan untuk memberi latihan luar kepada pelatih-pelatih yang tertentu.

Jadi, apabila pelatih itu dihantar ke situ pembinaan mereka, pelatih-pelatih ini telah dipergunakan bukan menerima latihan luar sebagaimana yang telah dirancang oleh pihak IKM tetapi mengerjakan perkara-perkara lain yang tidak ada hubungkait langsung dengan latihan yang telah diterima oleh pihak mereka, pelatih-pelatih yang tertentu di IKM itu sendiri. Jadi, ini adalah satu pembaziran kepada usaha IKM dan tidak ada kerjasama daripada pihak swasta dan orang awam.

Jadi saya mencadangkan di sini, kalau tidak ada rancangan yang telah ditetapkan oleh pihak IKM supaya pihak IKM itu sendiri membuat satu monitoring, dengan izin, apabila pelatih itu diberi latihan luar supaya jangan latihan yang diberi kepada mereka dengan membuang wang Kerajaan dibazirkan begitu sahaja.

Saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengerusi MARA, kerana pada petang semalam saya telah terbaca dalam satu temuramah beliau dalam Utusan yang mana beliau mengatakan sekarang MARA telah menubuhkan 23 Pusat Giat MARA. Giat MARA ini di bawah lajuk 11 Program Giat MARA di seluruh negara 23 pusat dan merancang untuk membina tiap-tiap gatu kawasan Parlimen diadakan utu Pusat Giat MARA, Jadi tak payahlah gaya tanya sama ada Giat MARA ini akan dibina di Sarawak kerana telah ada perkara tertentu dladikan di tiap-tiap kawalan Parlimen, tak kira di Semenanjung, di Sarawak ataupun di Sabah. Soalan saya hanya utu, bila dan dalam rangka manakah Pusat Giat MARA ini akan dselonggara atau dibina di Sarawak, Jangan dibina sampai 20-30 tahun akan datang, Wawitun 2020 pun tak tida lagi, Jadi saya berharap pihak

MARA dengan kerjasama Pengerusi barunya akan menjalankan usaha beliau dengan gigih dan menubuhkan Pusat Giat MARA di Sarawak dengan seberapa cepat yang mungkin, sama dengan penubuhan yang ada di Semenanjung Malaysia ini supaya jangan orang kata MARA ini untuk Semenanjung sahaja.

Saya berbalik ke belakang, Butiran 04000 Pembangunan Bandar. Dalam Program Pembangunan Bandar, ingin saya menyentuh sedikit pembangunan bandar Kuala Lumpur semenjak 1968. Saya cukup kenal yang mana aliran lalulintasnya begitu licin, begitu baik dan begitu selesa sekali kalau kita memandu, tak ada traffic jam yang dikatakan. Pada tahun 1974 berlakulah traffic jam yang begitu besar sekali hingga melibatkan tiap-tiap hari Jabatan Polis mengirinkan 40 orang anggota trafik polis ke 10 bulatan di Kuala Lumpur. Bulatan itu sekarang tidak digunakan lagi dan tidak dapat digunakan lagi—is no longer functioning, dengan izin. Dari itu bangkitlah satu pengertian kepada kita, tetapi soalnya adakah pihak Kementerian menerima hakikatnya kalau pembinaan bandar tidak dirancang dan dikaji dengan teliti, akan berlakulah apu yang telah berlaku di Kuala Lumpur semenjak tahun 1968 sampai 1974. Tetapi pada masa itu kita tidak boleh menyalahkan sesiapa, kerana pembangunan Kuala Lumpur adalah kita warisi dari pihak koloni dahulu. Bukan kita salahkan koloni pula, kerana mereka tak sangka Kuala Lumpur membangun sebagaimana yang kita pandang sekarang ini, mereka anggap Kuala Lumpur ini macam Kuala Lumpur dahulu jug....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dekat hendak habis. Saya belum habis lagi, sudah syok cakap sedikit, masa sudah hendak habis.

Tuan Pengerusi, beri saya seminit lagi untuk menyatakan sekali lagi terima kasih kepada Kementerian ini. Saya harap usaha-usaha MARA itu dipergigih dan diperkuatkan lagi, terutama sekali di negeri-negeri yang terpencil, yang terkebelakang sedikit supaya tujuan dan tugas Kementerian ini sebagaimana yang terlelak di dalam buku yang saya baru terima semalam mengatakan objektif ulama Kementerian ini adalah untuk memastikan supaya perjalanan agensi-agensi di bawah pengawasannya selaras dengan objektif penubuhan agensi-agensi itu sendiri untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar lain Kerajaan. Saya pinta Kementerian mengambil berat dan mengingat Sarawak, mengingatkan negeri yang di belakang. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong dengan sepenuhnya....

Tuan Pengerusi: Menyokong dengan sepenuhnya, cukuplah. (*Ketawa*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pasir Mas.

3.45 *ptg.*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasural 164, Butiran 050000 Majlis Amanah Rakyat dan sekaligus juga mukasurat 165, Majlis Amanah Rakyat, Butiran 00600 sekaligus memandangkan masa tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, MARA adalah merupakan satu institusi yang begitu penling sebagai tunggak kepada kemajuan ekonomi bangsa Melayu. Baru-baru ini MARA telah merayakan Perayaan 25 Tahun yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya turut meneliti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sempena dengan Perayaan 25 Tahun MARA dan juga mengenai

dengan perkembangan MARA seluruhnya sejak 25 tahun yang lalu. MARA menjadi perhatian oleh kerana baru-baru ini, beberapa bulan yang lalu, timbul apa yang dikatakan seolah-olah krisis dalaman di aniaru, kononnya Pengerusi MARA dan Ketua Pengarah MARA. Saya ingin membangkitkan perkara ini, sebab saya berpendapat walaupun keadaan sudah reda dan seolah-olah tidak ada masalah lagi berlaku daripada apa yang berlaku di MARA sekarang ini, tetapi soal masa depan MARA harus diberi perhatian.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini ke manakah hala MARA mulai daripada sekarang sudah tamatnya Dasar Ekonomi Baru dan apakah harapan Kerajaan, terulamanya impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kepada MARA dan juga orang-orang Melayu. Saya membaca dalam akhbar, pertama Komeniar Berita Minggu "Campurtangan Politik Merosakkan MARA" oleh Nazri Abdullah. Kedua, dalam akhbar Utusan Malaysia "MARA Tidak Harus Dipolitikkan", satu tulisan yang cukup tajam penulisannya, kemas penelitiannya, tetapi saya ingin membangkitkan di sini apakah tujuan artikel ataupun rencana ini ditulis. Apakah kerana Pengerusi MARA yang baru dilantik maka seolah-olah MARA akan dipolitikkan. Apakah kemajuan MARA selama 25 tahun yang lalu tidak dipimpin oleh orang politik. Saya tidak percaya, malah suka saya menegaskan mengikut pandangan saya, MARA tidak akan jadi seperti sekarang kalau ianya tidak kerana campurtangan orang-orang politik ataupun dipimpin oleh orang-orang politik, kerana MARA itu sendiri lahir di atas keputusan politik UMNO ataupun keputusan politik orang-orang Melayu. Jadi apakah lujuan artikel ini ditulis ialah kerana timbulnya masalah apa yang berlaku dalam MARA.

Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Perusahaan Awam, apabila perkembangan ini berlaku dan kita membuat

penelitian, kajian dan tulisan-tulisan kita baca, kita menyemak Akta Majlis Amanah Rakyat, fungsi dan tugas Pengerusi, fungsi dan tugas Ketua Pengarah, fungsi dan peranan Ahli-ahli Majlis Amanah Rakyat dan kakitangannya sekali dan mengenai dengan presiasinya sampai sekarang, maka saya membuat kesimpulan, ada juga baiknya timbul perkara masalah baru-baru ini. Kalau masalah tidak timbul seperti apa yang dihebohkan baru-baru ini, masyarakat dan orang-orang Melayu tidak tahu kedudukan MARA. Kita bangga melihat kejayaan MARA selama ini, malah saya pun hasil daripada MARA, dahulu Institut Teknologi MARA memang diasaskan oleh MARA itu sendiri, berpisah pada tahun 1970an dan diambilalih oleh Kementerian Pendidikan. Tetapi MARA sendiri dengan sumbangannya kepada pembangunan bangsa tidak boleh dinafikan. Tetapi kita juga terkejut sebagai Ahli Dewan Rakyat, sepanjang tahun kita bercakap dalam Dewan Rakyat, kini saya sudah masuk Penggal Kedua, tidak pernah kita tidak menyentuh soal MARA, lebih-lebih lagi untuk menambah peruntukan.

Kita menggesa Kerajaan menambah peruntukan seberapa banyak yang boleh, tetapi kalau tanpa peristiwa baru-baru ini, kita tidak tahu bahawasanya MARA ada menyimpan duit \$900 juta, dan dalam stok Kerajaan \$680 juta. Manakala kita lihat pula aktiviti dan program dan prestasi MARA selama ini, maka saya sebagai Ahli Dewan Rakyat ingin mempersoalkan sejauh manakah prestasi Ketua Pengarah MARA yang ada sekarang. \$900 juta dalam simpanan dan \$680 juta dalam stok Kerajaan.

Saya hendak merujuk Butiran 00600 Majlis Amanah Rakyat, Tajuk 01 Biasiswa, \$70 juta. Dasar Kerajaan ataupun dasar MARA sekarang kalau hendak ke luar negeri, mesti lulus tahun kedua, baru diberi biasiswa. Tahun penama pergi sendiri dahulu. Jadi, kalau tidak dapat pembiayaan tahun pertama.

macam mana hendak pergi untuk tahun kedua? Mungkin hendak menjimatkan wang, tetapi kita ada \$900 jula yang sepatutnya dibelanjakan untuk orang-orang Melayu meningkatkan pendidikan. Ini duit rakyat, duit Kerajaan yang diamanahkan kepada Majlis Amanah Rakyat. Sama juga dengan Maktab Rendah Sains MARA, kita dengar rungulan kemudahan-kemudahan di Maktab Rendah Sains MARA, kita bercakap tiap-tiap tahun dalam sidang Dewan Rakyat supaya ianya diberi kemudahan yang mencukupi.

Ada tempal-lempat sekolah Maktab Rendah Sains MARA yang tidak mencukupi dari segi kemudahan asas, malah baru-baru ini saya dengar di Terengganu ada kes budak kena cckik, sebab pagar Maktab Rendah Sains MARA tidak sempurna. Peruntukan yang diminta beberapa tahun, sudah berapa lama tidak dilayan. Samalah juga mengenai dengan lain-lain kegiatan. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, cuma saya membangkitkan perkara ini supaya keseluruhan program aktiviti MARA termasuk dengan approachnya haruslah dikaji semula ataupun ianya masalah Ketua Pengarah MARA, bukan masalah program dan aktiviti. Kalau masalah Kelua Pengarah MARA, saya minta Menteri Perusahaan Awam tegas dalam keputusannya.

Saya dapat menyelami hasrat apabila keputusan pihak Kementerian untuk mengubah kedudukan sistem pentadbiran di MARA. Mungkin inilah sebabnya dan sehingga campurtangan pihak-pihak lain, saya dapati kalau tidak keterlaluan saya mengalakan bahawa Ketua Pengarah MARA sedikit sebanyak memalukan Menteri Perusahaan Awam, baik dalam tindak tanduknya, sebab saya dengar di luar, macam-macam komen dan tuduhan, tetapi apabila saya buat kajian, (saya cukup suka buat kajian), saya dapati banyak juga perkara-perkara yang kalau kila hendak minta persoalan dibangkitkan di sini, banyak kita boleh bangkitkan.

Saya hendak bertanya Menteri Perusahaan Awam, Menteri tahu atau tidak ada beberapa syarikat yang dilubuhkan tanpa kelulusan Majlis seperti Totronic Sdn. Bhd. Begitu juga ada lain-lain syarikat lagi sehinggakan mengambil kakitangan daripada luar negara kita, iaitu daripada Singapura. Saya tidak tahu betul atau tidak betul, tetapi saya buat penyelidikan, saya ada senarai di sini, kalau kita lihat sehingga ada dibayar gaji sampai \$4,000. Ada yang dibayar gaji \$2,000. Apakah MARA sekarang ini tidak ada anak-anak Melayu dalam negara kita? Apakah kurang siswazah daripada ITM yang sudah pulang, balik ke negara kita dengan gaji dan kelulusan yang begitu tinggi? Saya beri contoh walaupun saudara kita, saudara orang Melayu, orang Islam yang bekerja dengan Totronic Sdn. Bhd. Abdul Razak Ismail, gaji \$4,450; Muniandi Munusamy, \$2,750; Anthony Dasa, \$1,500. Ini rakyat Malaysia. Yang saya sebutkan tadi satu daripada Singapura. Kenapakah kita tidak ada rakyat daripada negara kila dan saya lihat pula keputusan yang saya dapati untuk ini, dia dapat keputusan daripada Majlis kemudian, tidak sebelumnya.

Jadi, saya hendak beri the tips of the iceberg, Tuan Pengerusi, Jadi harap sesudah satu pusingan 25 tahun MARA, maka saya berharap supaya MARA ini disusun semula supaya pihak Kementerian Perusahaan Awam menyusun semula dan melihat dari segi objektif dan perspektif MARA dengan secara yang lebih besar dan lebih menyeluruh, bukan sahaja tertumpu kepada sesuatu bidang yang khusus, tetapi semua sekali yang saya maksudkan ini, baik dalam bidang pendidikan, baik dalam bidang usahawan, program perniagaannya, mahupun dalam bidang pengangkutannya. Yang kita tengok dari segi prestasinya, memang belum dapat membanggakan walaupun kita kala kejayaan MARA itu adalah satu yang kita banggakan. Itu sebelum, saya hendak bercakap prestasi yang ada sekarang.

Kalau diperincikan satu persatu, saya pun tidak mahulah memperkatakan satu-satu, malah ada orang komplek pada saya bas MARA pun tidak elok, longkang pecah, atap bocor, kawasan kotor, toilet pecah, macam-macam mengenai MARA ini yang dibangkitkan terutamanya di Maktab Rendah Sains MARA yang saya maksudkan ini. Oleh sebab itu, saya berharap perkara MARA ini diberi perhatian yang serius supaya perkara ini tidak berbangkit lagi dan pihak Majlis MARA dapat bekerjasama dengan pihak pentadbiran.

Kalau pihak Majlis MARA termasuk Pengerusi MARA yang saya katakan tadi tidak timbul soal orang politik campurtangan, sebab ianya satu agensi yang diputuskan atas nama kepemimpinan politik, maka kalau Ketua Pengarah tidak boleh bekerjasama dengan Menteri Perusahaan Awam, dengan Pengerusi MARA, saya mencadangkan supaya Ketua Pengarah MARA digantikan dengan tokoh yang baru dan pihak JPA jangan campurtangan. Jangan campurtangan dalam soal-soal pentadbiran yang seumpama ini, walaupun kita tahu JPA ada peraturannya, mesti ikut peraturan, tetapi kepulusan dari segi peraturan—sudah ada, ianya kepulusan Menten. Soal yang mana dahulu tidak menjadi soal bagi saya, yang penting MARA mesti berjalan dan ianya mesti menjadi tunggak dan harapan kepada orang-orang Melayu, lebih-lebih lagi dalam hendak mencapai Wawasan 2020. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan kejayaan MARA sepatutnya lebih besar kalau memandangkan kepada peruntukan yang diberi—mesti diukur dengan peruntukan yang diberi kepada MARA selama ini.

Memang kita bangga dengan kejayaan selama ini, mungkin 10 kali ganda lagi. Kalaulah dari segi kecakapan, professionalism, dynamism, progresifnya, dinamikanya mereka yang memimpin MARA sekarang ini. Sebab itu saya meneliti dan membaca kenyataan wawancara yang dibuat oleh

Pengerusi MARA dalam akhbar Utusan Malaysia sehari dua ini. Saya bangga bahawasanya kenyataan- kenyataan yang diberi itu merupakan suatu ketegasan dari segi kepimpinannya untuk membantu orang-orang Melayu, tetapi oleh kerana Pengerusi MARA dari segi Akta MARA bukanlah suatu jawalan yang eksekutif, maka sudah barang tentu ianya bergantung kuat kepada peranan Ketua Pengarah MARA.

Kalau tidak, saya cadangkan supaya Akta Amanah Rakyat dipinda sahaja supaya jawatan Pengerusi MARA dijadikan jawatan Pengerusi Eksekutif, kerana saya lebih percaya kepada keputusan politik, lebih mudah untuk menolong orang-orang Melayu daripada perkara litik bengik soal-soal red-lape ini. Keputusan politik lebih memudahkan dari segi kita hendak membantu orang-orang Melayu. Kalau kita hanya semata-mata hendak ikut kepada peraturan yang ada sehingga terpaksa mengikut banyak red-tape. Kita tidak mahu penyelewengan. Kita percaya dari segi penyelewengan tidak ada sesiapa pun mahu melihat berlakunya penyelewengan dan kita mahu melihat segalanya berjalan di atas peraturan, tetapi dalam pada masa yang sama, ia hendaklah seiring dengan dasar yang telah kita tetapkan, iaitu dari segi hendak membantu orang-orang Melayu terutamanya yang diamanatkan kepada rakyat.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Jadi, akhir sekali, Tuan Pengerusi, dalam rumusannya, saya ingin bertanya kepada Menteri Perusahaan Awam, apakah benar yang diheboh-heboh Pengerusi MARA hendak kenduri duit MARA, tetapi claud Pengerusi MARA yang sebenarnya \$1,500 tetapi dikurangkan kepada \$1,300. Timbalan Pengerusi, ada elaun tetap \$300 lebih sahaja. Saya minta supaya ini dicadangkan dengan beban yang begitu berat, sepatutnya elaun

kepada mereka ini tidaklah sebagaimana yang saya diberitahu. Sewajarnya mereka mesti diberi ganjaran sewajarnya, bukan kerana wang semata-mata, tetapi sekurang-kurangnya dari segi komitmen dan tanggungjawab mereka untuk mentadbir Majlis Amanah Rakyat ini.

Jadi, itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tumpat.

4.00 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Selepas Bukit Bintang, Menteri menjawab.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: MARA (Majlis Amanah Rakyat) Buliran 050000. Saya juga ikut merasa dukacita semenjak Menteri baru ini dilantik jadi Menteri Perusahaan Awam, pertelingkahan telah berlaku di dalam MARA ini. Sepatutnya hal-hal yang seperti ini tidak berlaku, oleh sebab kita tahu Menteri yang ada sekarang ini ialah seorang intelektual Islam, seorang intelek Islam. Saya rasa kalaulah persoalan yang ada di dalam MARA pada hari ini tidak dtatasi secepat mungkin, saya rasa akan terjejas nama peribadi Menteri yang tersebut.

Saya ttdak mahu campur dalam soal MARA ini, sebab saya rasa Menteri yang ada sekarang ini sudah mempunyai kemampuan yang lebih dalam menyelesaikan masalah ini sama ada Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen Kementerian, saya rasa sudah mampu untuk menyelesaikan masalah ini. Cuma saya merasa dukacita dan saya ikut rasa malu. Jadi, persoalan MARA ini sepatutnya tidak masuk dalam Parlimen ini. Persoalan MARA ini bukan sahaja berlegar di dalam akhbar-akhbar, di dalam Talivesyen, dalam Radio dan

sebagainya, juga masuk dalam Parlimen ini dibincangkan secara serius, sehingga kita tidak tahu siapakah yang menjadi Wak Long dan Pak Dogol dalam MARA ini. Tetapi saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan dengan sejelas-jelasnya kepada Parlimen ini, apakah sebabnya semenjak beliau menjadi Menteri, persoalan-persoalan seperti itu terjadi. Apakah kerana beliau tidak layak untuk menjadi Menteri ataupun bagaimana, tetapi saya rasa beliau layak.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, masalah di Kelantan, ada satu Institut Teknologi MARA, tetapi sekarang ini Institut Teknologi MARA di Kelantan ini menumpang di kawasan Kem Kijang, iaitu di mana penuntut-penuntut belajar di bangunan sementara sudah beberapa lahun. Pada tahun lepas pihak MARA atau pihak Kementerian Perusahaan Awam telahpun meluluskan satu projek untuk membangunkan Institut Teknologi MARA di Kelantan yang baru, iaitu di Machang dan pihak Kerajaan Negeri telahpun meluluskan tapak itu. Dan kenapakah Bangunan Institut Teknologi MARA di Kelantan sehingga setakat ini, sehingga hari ini belum lagi dibangunkan. Saya mengharapkan pihak Menteri hendaklah mengambil berat dalam soal ini. Saya rasa beliau tidak lemah, tetapi mungkin agak alpa terutama kerana Kelantan duduk di bawah Kerajaan baru barangkali.

Saya telahpun meninjau Bangunan Institut Teknologi MARA di Kijang Kem dalam sebulan yang lepas, saya dapali bangunannya sangat tidak selesa dan sangat memalukan. Saya rasa kalaulah kita lihat dengan kehebatan MARA, dengan harta MARA yang begitu banyak menghampiri satu bilion, tetapi dengan Bangunan MARA yang ada di Kelantan, ini amat memalukan kita. Bukan sahaja memalukan peribadi Menteri yang berkenaan, bukan sahaja memalukan MARA, bahkan Kerajaan Barisan Nasional juga rasa malu, dan saya juga ikut rasa malu dengan

tandasnya tidak beres, dengan bocornya, kotor, dengan pelajarnya tidak selesai. Saya rasa ini adalah memberi kesan negatif kepada penuntut-penuntut itu sendiri, Tuan Pengerusi.

Dan persoalan yang ketiga, iaitu masalah 00600, No. 12 Pinjaman Perniagaan, peruntukan \$10 juta. Saya mengharapkan pihak Kementerian hendaklah dalam memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga di bawah peruntukan ini, saya meminta dengan sangat supaya janganlah pinjaman itu diberi berorientasi kepartian. Kita bersyukur kerana MARA ini mahu membantu orang Melayu. Tetapi orang Melayu yang bagaimana yang ingin dibantukan oleh MARA ini. Apakah orang Melayu yang UMNOisme ataupun orang Melayu yang lain? Ini kita tidak jelas. Tetapi yang jelas kalaulah ada orang-orang UMNO yang ingin berniaga, yang tidak layak pun diberi dengan begitu mudah. Kadang-kadang dekat pilihanraya pun kononnya ada di kalangan orang-orang UMNO yang hendak masuk berlandung, kalau tidak ada wang, buat pinjaman di bawah peruntukan ini sampai sekarang pun....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya tidak ada masa. Masa pendek.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kadang-kadang....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Larut bangun lagi.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Bercakap tidak berapa kena tajuk, dok perli Menteri sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Point of order yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: 36(6) (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak kena, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Bukan, 36(1).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): 36(1).

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Muhd. Hassan: Tidak kena tajuk, yang pertama. Yang kedua berucap tidak tengok Yang *di-Pertua*. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya akan buat keputusan. Yang Berhormat, teruskan, tetapi jangan pergi jauh sangat, balik kepada tajuk ataupun ke Butiran yang berkenaan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Larut. Sebab Larut ini memang dia berlarut-larut (*Ketawa*) Tuan Pengerusi....

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Muhd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Larut bangun lagi.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Sebagai Ahli Parlimen Tumpat, saya rasa dia tak boleh menyakitkan hati sesiapa pun.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tunjuk tauladan yang baik sebagai orang PAS.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tumpat, teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, Larut ini kalau dia menyakiti hati saya, tidak apa-apa. Tetapi kalau saya menyakit hati dia, dia terasa. Dia memang orang yang sensitif.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila balik kepada tajuk.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau kita lihat pada wajahnya, mukanya, badannya, cara lenggang-lenggoknya, memang dia seorang yang sensitif. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, itulah saya minta supaya dalam memberi pinjaman wang sebanyak itu janganlah berorientasi kepada kepartian. Dan apa yang saya difahamkan sehingga setakat ini banyak orang-orang yang membuat pinjaman dengan MARA tidak membayar. Ini saya merasakan salah satu daripada faktor itu adalah sebab pihak yang berkenaan telah melakukan beberapa kesilapan dengan dasar dan ketentuan. ...

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Pasir Mas bangun lagi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:... yang telah dibuat...

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sila.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tadi Yang Berhormat dari Tumpat mengatakan bahawa pinjaman ini diberi pada orang-orang tertentu sahaja. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa Timbalan Menteri Besar PAS Kelantan sekarang ini—Timbalan Menteri Besar PAS nombor satu, Ustaz Abdul Halim bin Rahman, pernah mendapat pinjaman Bank Bumiputera yang dituduh ada riba, berniaga. Apakah itu bukan suatu pinjaman yang diberi oleh Kerajaan? (*Tepuk*) Saya minta Yang Berhormat beri penjelasan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya kira tuduhan itu tidak adil, sebab orangnya tidak ada dalam Dewan ini. (*Ketawa*) Kalau beliau bcrani, saya cabar supaya buat tuduhan itu di luar daripada Dewan ini.

Tuan Pengerusi, kembali kita kepada P.33, mukasurat 164, Butiran 040000 Perbadanan Pembangunan Bandar. Masalah pembangunan bandar ini, saya mengharapkan sangat terutamanya tempat-tempat ibadat seperti musalla, surau dan sebagainya termasuk di hotel-hotel, di rumah-rumah penginapan, di stesyen-stesyen keretapi, di pejabat-pejabat supaya sesuai dengan Menteri yang ada sekarang ini. Saya rasa perlulah dibuat satu planning, satu perancangan untuk membuat musalla dan masjid dan sebagainya agak lebih selesa sedikit daripada apa yang ada sekarang ini.

Misalnya, kita tengok di Hotel Grand Continental, saya pernah lihat di manu musala di situ adalah macam setor—tidak selesa, sepatutnya tempat yang sebaik itu adalah mempunyai satu tempat sembahyang atau tempat ibadat yang agak selesa, begitu juga di tempat atau bangunan-bangunan yang telah saya sebutkan tadi.

Itulah sahaja harapan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya mempunyai keyakinan beliau mempunyai kemampuan untuk melaksanakan projek-projek yang baik ini. Sekian, terima kasih,

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

4.12 ptg.

TuanWee Choo Keong (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud B. 33, Butiran 020000 Pelesenan, Program 020100; Butiran 040000 Perbadanan Pembangunan Bandar, dan Butiran 004000 Perbadanan Pembangunan Bandar juga. Butiran 050000 Majlis Amanah Rakyat dan yang akhir sekali Butiran 00600 iaitu Majlis Amanah Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan Butiran-butiran tersebut dengan sekaligus.

Tuan Pengerusi, DAP dari dahulu lagi menentang sindrom 'Harapan pagar, pagar makan padi'. Pemimpin yang diamanahkan oleh rakyat memadbir agensi-agensi Kerajaan dengan baik, ternyata tidak dapat melaksanakan tanggungjawab mereka sehingga menyebabkan agensi Kerajaan di bawah pentadbiran mereka mengalami kerugian beratus-ratus juta ringgit, dengan tidak ada apa-apa accountability, dengan izin.

Tuan Pengerusi, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) hampir setiap tahun mengalami kerugian

berjuta-juta ringgit. Apa yang saya kesalkan wang ini adalah wang titik darah rakyat. Oleh itu adalah tidak wajar wang ini dibelanjakan dengan sesuka hati untuk kepentingan segolongan orang sahaja.

Amalan 2-3 orang pemimpin berscnang-lenang manakala sebahagian besar bumiputera dan bukan bumiputera terus miskin perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan, kerana matlamat Kerajaan membantu bumiputera dan orang miskin tidak akan tercapai jika mereka yang diamanahkan untuk mentadbir agensi-agensi Kerajaan mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan kepentingan orang ramai.

Yang Amal Berhormat Perdana Menteri juga telah berkali-kali menegaskan agensi-agensi Kerajaan supaya tidak menyeleweng dan berjimat-cermat membelanjakan wang rakyat. Tetapi apa yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nampaknya tidak diindahkan, penyelewengan berleluasa, permit teksi dikeluarkan sewenang-wenangnya tanpa mengikut peraturan, manakala agensi-agensi Kerajaan yang ditugaskan untuk menolong bumiputera terus menanggung kerugian. Sebagai contoh, Kementerian Perusahaan Awam telah mengeluarkan beratus-ratus permit teksi kepada Syarikat Kenderaan Saujana yang dimiliki oleh keluarga Tan yang kaya-raya. Orang yang utama dalam Syarikat Kenderaan Saujana ialah Encik Tan Hock Chan. Beliau telah terlibat dalam skandal Ka Wah Bank di Hong Kong dan sedang dalam proses ekstradisi ke Hong Kong. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyedari dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, apakah motif Kementerian berkenaan mengeluarkan begitu banyak permit hanya kepada sebuah syarikat sedangkan orang awam yang lebih memerlukan permit tersebut tidak dilayan?

Sukalah saya memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa ada pemandu-pemandu yang sudah memandu teksi lebih daripada 10 tahun, tidak diberi permit teksi. Di manakah letaknya slogan 'Kerajaan Membela Rakyat' kalau orang awam diketepikan tetapi Kerajaan mengutamakan syarikat-syarikat tertentu seperti 'Saujana Teksi'? Sepatutnya Kerajaan mengutamakan orang awam yang berpendapatan rendah seperti pemandu teksi semasa mengeluarkan permit-permit teksi dan bukannya kepada orang-orang Cina yang sudah kaya-raya seperti Saujana Teksi iaitu keluarga Tan, sama ada tokoh-tokoh politik dalam Barisan Nasional ada hubungan atau relationship, dengan izin, dengan keluarga Tan ini.

Tuan Pengerusi, saya sangat berharap Yang Berhormat Menteri berkenaan mengkaji semula dan menarik balik permit-permit Saujana Teksi dan memberikan permit teksi kepada pemandu-pemandu teksi yang perlu.

Tuan Pengerusi, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ishak Tadin dalam Laporan Tahunan MARA Tahun 1989 telah mendedahkan MARA sekali lagi mengalami kerugian dan kerugian kali ini sebanyak \$98,709,562. Mengikuti Laporan Tahunan tersebut daripada 32 anak Syarikat MARA, 19 mengalami kerugian, manakala 9 daripada anak syarikat itu telah menjadi sifar atau kosong kerana kerugian yang terkumpul melebihi kos pelaburan. Manakala UDA pula sehingga akhir tahun 1989 telah membuat pelaburan berjumlah lebih kurang \$90 juta dalam 12 syarikat subsidiari dan sebanyak \$1,867,768 dalam 5 syarikat bersekutu, matangnya daripada 12 syarikat subsidiari UDA, 8 telah rugi sebanyak \$100 juta.

Tuan Pengerusi, kerugian kedua-dua agensi tersebut berjumlah lebih kurang \$200 juta. Ekoran daripada kerugian beratus-ratus juta ringgit ini, Ketua Audit Negara telah menasihatkan

MARA dan UDA supaya mengkaji secara mendalam aktiviti-aktiviti anak syarikatnya dan syarikat bersekutu supaya masalah prestasi kewangan syarikat-syarikat tersebut dapat diperbaiki.

Saya hendak bertanya sama ada nasihat Ketua Audit Negara telah dilaksanakan sekarang?

Tuan Pengerusi, saya sangat kecewa bahawa setiap kali apabila seseorang membangkitkan kerugian yang dialami oleh agensi-agensi Kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional akan memberi alasan bahawa mereka memberi pertolongan kepada kaum bumiputera. Ini adalah tidak benar, Kerajaan hanya menolong beberapa orang bumiputera atau UMNO Putera sahaja untuk mendapatkan wang manakala beribu-ribu orang bumiputera yang benar-benar memerlukan pertolongan tidak dapat apa-apa pertolongan langsung.

Tuan Pengerusi, saya tidak faham bagaimana nilai saham dalam 9 anak syarikat MARA boleh menjadi sifar, sedangkan syarikat-syarikat itu menjalankan perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan oleh kerana permii-permit, lesen-lesen atau kemudahan dapat diperolehi dengan senang daripada Kerajaan. Syarikat-syarikat tersebut ialah:

- (i) Kayu Sedia Sdn. Bhd.;
- (ii) Perbadanan Pemasaran Batek Bumiputera Bhd.;
- (iii) Pramagrma Sdn. Bhd.;
- (iv) Senama Sdn. Bhd.;
- (v) Syarikat Kebangsaan Kayu-kayuan Sdn. Bhd.;
- (vi) Masmara Travel and Tours Sdn. Bhd.;
- (vii) Lori Malaysia Bhd; dan
- (viii) MARA Holding Bhd.

Tuan Pengerusi, MARA juga memberi pinjaman dan debenture berjumlah \$980,154,137 daripada

jumlah tersebut sebanyak \$859,154,137 merupakan pinjaman untuk pelajaran usahawan kakitangan MARA, anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu, Yayasan Pelajaran MARA dan lain-lain pihak, manakala debenture tanpa cagaran telah diberikan kepada syarikat bersekutu sejumlah \$125 juta. MARA juga terpaksa menanggung bebanan yang tinggi akibat sikap tidak bertanggungjawab para peminjam jaminan yang tidak membayar balik pinjaman.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara, dalam tempoh 1972 hingga 1975, MARA telah menjalankan satu skim jaminan bank di mana MARA memberikan jaminan kepada bank-bank untuk kemudahan overdraft yang diberikan kepada usahawan bumiputera. Bagaimanapun pengeluaran jaminan tersebut telah dihentikan pada tahun 1975. Ekoran daripada itu, MARA terpaksa menanggung beban daripada tahun tersebut hingga akhir tahun 1989 dan terpaksa membayar sebanyak \$31,893,200 kepada bank kerana peniaga-peniaga yang dijamin gagal menjelaskan hutang overdraft yang diberikan. MARA juga memperuntukkan sebanyak \$4,455,810 bagi maksud yang sama dan sedang dalam proses membuat bayaran kepada pihak bank yang terbabit.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan dan minta beliau menjelaskan perkara berikut:

- (a) Memandangkan wang yang dipinjamkan adalah wang rakyat, mengapa MARA tidak mengambil tindakan kepada peniaga-peniaga yang gagal menjelaskan hutang overdraft yang diberikan?
- (b) Apakah usaha yang dilakukan oleh MARA untuk mendapatkan semula wang itu?

Tuan Pengerusi, saya rasa MARA perlu bertindak lebih tegas termasuk mengambil tindakan undang-undang bagi mendapatkan semula hutang

tersebut kerana wang itu adalah wang rakyat dan bukan wang Barisan Nasional. Adalah lebih bermanfaat jika wang itu disalurkan kepada pelajaran dan kebajikan daripada dipinjamkan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dan membelanjakannya untuk kesenangan diri sendiri.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1989, MARA telah mengendalikan 6 projek perkhidmatan bas. Bagaimanapun, hanya satu projek berjaya mendapat keuntungan sebanyak \$231,206 pada tahun tersebut. Manakala, 5 projek lain telah mengalami kerugian berjumlah \$1,341,339. Ini bermakna kerugian bersih dalam tahun ini bagi keseluruhan projek ialah \$1,110,133. Bagi mengurangkan beban kewangan MARA, Kerajaan Pusat telah memberi bantuan berjumlah \$1,775,000 pada tahun 1989.

Saya berasa hairan bagaimana syarikat perkhidmatan bas yang digunakan sehari-hari oleh orang ramai boleh mengalami kerugian sehingga \$1,341,339. Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan dan meminta beliau menjelaskan perkara-perkara berikut:

- (a) Mengapa 5 projek perkhidmatan bas yang lain mengalami kerugian? Adakah disebabkan ketidakcekapan pentadbiran atau terdapat penyelewengan dalam perkhidmatan?
- (b) Apakah tindakan yang telah diambil oleh MARA untuk mengurangkan kerugian yang ditanggung oleh kelima-lima anak syarikat itu?

Tuan Pengerusi, bolehkah Public Accounts Committee (PAC) berlaku adil dalam siasatannya kerana Pengerusi PAC ialah Yang Berhormat dari Padang Terap, juga Pengerusi Yayasan MARA, manakala Timbalan Pengerusi UDA, Yang Berhormat dari Larut adalah Timbalan Pengerusi Public Accounts Committee (PAC).

Sebagai Pengerusi Yayasan MARA dan Timbalan Pengerusi UDA, saya rasa Yang Berhormat dari Padang Terap dan Yang Berhormat dari Larut lebih maklum tentang kerugian yang ditanggung oleh kedua-dua agensi ini oleh kerana mereka dapat, dengan izin, first-hand knowledge. Bagaimana boleh kedua-dua mereka ini berlaku adil apabila PAC menyasiat Belanjawan MARA dan UDA?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Wee Choo Keong: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, sila gulung.

Tuan Wee Choo Keong: Hingga hari ini, kedua-dua Yang Berhormat tidak pernah membawa perkara kerugian MARA dan UDA ke Dewan yang mulia ini atau membuat rekomendasi untuk Dewan yang mulia ini mengambil tindakan yang sewajarnya.

Di negara Barat, Jawatankuasa Kira-kira Awam ialah PAC diwakili oleh sebuah badan yang bebas dan berkecuali manakala Ahli-ahlinya tidak mempunyai apa-apa kepentingan di dalam Kerajaan atau swasta. Tetapi berlainan dengan negara ini—Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa terdiri daripada anggota Parlimen dan mereka yang berada dalam Kerajaan juga.

Tuan Pengerusi, begitu juga dengan UDA. Daripada rekod-rekod 12 syarikat subsidiari, 3 di antaranya telah tidak menjalankan perniagaan sama sekali sejak pembentukannya tetapi mereka telah mengalami kerugian sebanyak \$6,699,660 di Sepang Ceramics Industries Sdn. Bhd., \$38,643,082 di Dermuda Sdn. Bhd., \$80,695,000 di Syarikat Pemda Negeri Sembilan Sdn. Bhd.

UDA juga menjual Bangunan PEREMBA kepada Rashid Hussein

Securities Sdn. Bhd. dengan harga yang paling murah iaitu \$41.5 juta pada tahun 1989. Harga \$41.5 juta sudah dinilai pada 10hb September 1987 semasa ekonomi negara sedang meleset. Harga jualan ini tidak berpatutan kerana ia tidak mendapatkan penilaian daripada jurunilai persendirian atau independent valuer. Jika UDA menggunakan jurunilai yang independent, berani saya kata UDA akan dapat harga yang lebih tinggi daripada \$41.5 juta.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Minta seminit lagi, Tuan Pengerusi.

Jabatan Ketua Audit Negara adalah bebas seperti diberi mandat oleh Yang di-Pertuan Agong untuk menyasiat segala bentuk perbelanjaan mana-mana agensi Kerajaan. Tetapi Pengerusi UDA, Yang Berhormat dari Tebrau tidak bersetuju dan mempertikaikan Laporan Ketua Audit Negara dalam Laporan Tahunan UDA 1989 sepertimana yang disiarkan....

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ahli Parlimen Tebrau bangun.

Tuan Wee Choo Keong: Singkat masa, Tuan Pengerusi, saya hendak habiskan ini sepertimana yang....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Itupun saya sudah capak tadi sila gulung.

Tuan Wee Choo Keong: Saya hendak gulunglah ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ini terlalu panjang.

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar: Saya hendak minta jalan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri tadi.

Tuan Wee Choo Keong: Saya tidak beri jalan, tidak ada masa. Sebestar lagi boleh berucap.

Sepertimana yang disiarkan dalam akhbar Exclusive yang menyebut tentang 4 buah anak syarikat UDA yang mengalami kerugian tanpa menjalankan perniagaan....

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tebrau bangun lagi.

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar: Saya minta jalan.

Tuan Wee Choo Keong: Saya tidak beri jalan sebab tidak ada masa. Pengerusi UDA mengatakan. ...

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar: Dia sentuh tentang saya dan saya ingin mendapat penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri jalan,

Tuan Wee Choo Keong: Pengerusi UDA mengatakan Laporan ini keliru kerana 4 anak syarikat ini masih belum beroperasi tetapi terpaksa menanggung kos dan kadar faedah atas harta yang ada padanya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah eukup, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong; Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

4.29 *ptg.*

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang terbanyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan masalah-masalah yang berkaitan dengan Kementerian Perusahaan Awam khususnya mengenai 3 tajuk yang penting kepada mereka iaitu pengangkutan (teksti), yang kedua mengenai dengan MARA dan yang ketiga, mengenai dengan UDA. Lampu Bukit Bintang nyala lagi, saya ingat boleh padamlah. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan persoalan-persoalan itu ialah Yang Berhormat dari Batang Lepar, dari Pasir Mas, Tumpat dan Bukit Bintang dan saya mohon izin daripada Tuan Pengerusi, untuk merangkum jawapan sekaligus di atas tajuk UDA, MARA dan pengangkutan (teksti).

Mengenai dengan teksti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lepar yang menyebut semalam bahawa pernah beliau menaiki sebuah teksti yang berbunyi 'kiat-kiut', saya pun tidak pernah dengarlah (seperti ayam). Yang dikatakan ini mungkin kerana kealpaan daripada pihak yang berkuasa membenarkan teksti-teksti yang tidak begitu baik digunakan.

Satu penjelasan yang saya fikir sesuai dalam konteks ini ialah sebenarnya rancangan untuk memperbaiki keadaan teksti yang diberi lesen oleh LPKP sudahpun diambil tindakan iaitu dengan melancarkan beberapa peraturan kepada mereka yang memohon untuk menjulankan perusahaan memandu teksti.

Walaupun peraturan untuk membenarkan sesebuah kenderaan yang

berjentera akan tertakluk kepada peraturan Kementerian Pengangkutan atau lebih khusus, JPJ, tetapi apa yang saya sebutkan di sini ialah dalam konteks LPKP atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Kementerian Perusahaan Awam.

Kementerian sedang mengalut syarat-syarat baru kepada mereka yang memohon lesen, iaitu mereka hanya dibenarkan memiliki lesen itu kalau mereka sanggup mengadakan kenderaan yang akan diterangkan sifat-sifatnya, seperti umurnya dan lain-lain kriteria yang difikirkan penting yang bolch membcrikan imej baru kepada pengusaha-pengusaha yang berkaitan dengan pengangkutan awam. Kementerian Perusahaan Awam akan bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan supaya dapat diadakan penyelarasan di antara kedua-dua pihak. Kementerian Pengangkutan ada mempunyai kuasa-kuasa tertentu dan saya di Kementerian Perusahaan Awam akan menentukan supaya kualiti kenderaan awam yang dilesenkan tertakluk kepada syarat yang akan dibuat dari masa ke semasa. Ini adalah berdasarkan kepada Akta yang telah ditetapkan bahawa Lembaga ini boleh mengenakan syarat-syarat baru dari masa ke semasa.

Saya suka menyatakan di sini bahawa di antara perkara-perkara yang telah difikirkan ialah tentang tempoh sesuatu lesen dikeluarkan yang pada masa ini diberi untuk tempoh selama tujuh tahun. Tempoh ini kita akan kaji sekira-kiranya tidak membebankan kepada pengusaha-pengusaha supaya lebih pendek daripada tujuh tahun dan kalau sekiranya mereka mempunyai alasan yang munasabah, maka sudah tentu lesen itu dapat dipanjangkan. Ini adalah bertujuan ini untuk mengelakkan daripada tanggapan bahawa sesiapa yang mendapat lesen secara automatik, seperti yang difahamkan oleh setengah-setengah pihak, bahawa mereka mendapat lesen itu seumur hidup.

Demi menjaga imej kenderaan awam di negara kita supaya sesuai dengan Wawasan yang kita semua ketahui, kita bcrhasral bahawa pengangkutan awam dalam negara kita dalam menempuh dekad yang baru ini akan dikenali sebagai pengangkutan yang mempunyai praturan- peraturan yang boleh melapangkan hati kita semua dan tidak ada lagi bunyi yang ditakuti oleh Yang Berhormat dari Batang Lular. Tumpuan pada masa ini ialah kepada kenderaan yang berada di lapanganterbang kerana itu merupakan pintu masuk kepada orang-orang asing sama ada mereka lerdiri daripada pelancong ataupun daripada kalangan dalam negara sendiri.

Apabila sampai masanya nanti Kementerian akan menyatakan secara terperinci syarat-syarat baru yang dikenakan dan kalau sekiranya mereka yang memohon tidak menyanggupi untuk menunaikan hasrat Kementerian dengan memenuhi syarat-syarat itu, maka mereka tidak akan ditawarkan lesen dan kepada mereka yang sedang beroperasi pun beberapa surat yang boleh saya istilahkan sebagai "surat cinla"—yang sebenarnya bukan kerana kecintaan Lembaga kepada mereka tetapi surat ingatan kepada mereka, bahawa yang sudah mendapat lesen pun mengikut Akta yang ada akan diberitahu syarat-syarat yang akan diperkenalkan dari masa ke semasa.

Di antara langkah-langkah awal yang boleh saya sebutkan sekarang ialah seperti menggunakan nama pemandu dalam kenderaan supaya senang penumpang mengenali siapakah yang memandu mereka. Sekiranya ada orang yang menipu melelakkan nama lain atau mereka adalah terdiri daripada bukan pemandu sebenarnya, maka kalau ini didapati, menerusi satu Jawatankuasa yang akan mengawasi pelaksanaan syarat-syarat yang kita buat akan membuat report dan mereka yang ditemui akan kita ambil tindakan sama ada dengan cara menulis surat cinta sekali lagi atau kalau telah terbukti

bahawa pihak yang berkenaan sengaja mengengkarinya, maka kita boleh mengikut peraturan menamakan serta merta lesen mereka. Ini akan juga diperluaskan sehingga kepada bas-bas yang melibatkan kenderaan orang ramai yang akan kita kenakan syarat-syarat tertentu supaya mereka juga akan patuh kepada semua syarat yang kita buat. Di antaranya ialah mengenai dengan kelajuan kenderaan. Kalau sekiranya telah terbukti kelajuan itu lebih daripada yang kita kehendaki, maka sudah tentu syarikat yang berkenaan atau kenderaan yang dipunyai oleh mana-mana syarikat yang tertentu akan dikenakan Undakan.

Yang Berhormat dari Batang Lupar tunggulah, insya Allah, dalam lempoh yang tidak lama kita akan dapat melibat perubahan secara beransur-ansur kerana hendak melihat perubahan secara mendadak mungkin akan menimbulkan kesulitan kerana terpaksa orang-orang yang tertentu tertutup rezeki mereka akibat daripada tindakan-tindakan yang dibuat.

Dalam konteks teksi juga, saya ingin menyatakan bahawa sesuatu pertimbangan yang dibuat mengenai dengan permohonan teksi adalah dibuat mengikut peraturan dan tidak perlu diragui sama ada pemberian lesen itu benar mengikut landasan ataupun tidak. Kalau sekiranya didapati ada kebenaran bahawa penimbangan yang dibuat tidak mengikut peraturan, maka Kementerian sebenarnya sangat berminat untuk mengambil tindakan. Kalau yang melakukan kesalahan memberikan lesen tidak mengikut peraturan yang diperuntukkan oleh Akta, maka sudah tentu setelah mereka disahkan bersalah, boleh diambil tindakan menerusi pentadbiran di Kementerian. Kementerian mengambil responsibility ataupun tanggungjawab ini sepcnuhnya.

Kalau sekiranya terbukti pemberian tidak mengikut peraturan, maka kita akan mengambil tindakan. Kalau sekiranya didapati ada pihak-pihak yang

dikatakan mendapat lesen yang banyak, maka Ahli-ahli Yang Berhormat jangan lupa bahawa kadang-kadang timbul sungutan kerana ia ditimbulkan oleh pihak yang memohon tetapi tidak dapat. Kalau sekiranya kita mengandaikan bahawa setiap permohonan kita mesti dapat, maka tentulah timbul anggapan-anggapan seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, mungkin orang seperti Yang Berhormat ini berfikir bahawa apa yang dia fikir mesti betul belaka, apa yang orang lain fikir salah belaka. Mungkin kalau DAP memerintah, mereka atau orang daripada parti ini akan membuat....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat); Yang Berhormat Menteri....

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Nantilah, biar saya habiskan dahulu. Banyak lagi yang dia punya ini.

Jadi, kita mesti ingat bahawa orang yang berminat kepada lesen kenderaan ini memang ramai. Saya telah membuat penelitian berdasarkan kepada angka yang memohon lesen pada setiap hari tidak kurang daripada 100 permohonan sehari dan kita telah mengira secara kasar jumlah kenderaan, kalau kita layan kesemuanya maka mungkin kenderaan lebih banyak daripada penduduk. Mungkin DAP bersetuju iaitu biarlah kenderaan lebih banyak daripada orang ramai. Itulah bayangan negara kalau sekiranya diperintah oleh DAP—kenderaan lebih banyak daripada rakyat. Tetapi dalam sistem Kerajaan....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Nanti saya habis dahulu, saya beri chancelah. Sebab itu dalam membuat pertimbangan terhadap lesen-tesen ini Kerajaan berhati-hati supaya penama, jumlahnya tidak terlebih daripada keperluan yang

sebenar. Yang di antara tujuannya ialah untuk memastikan bahawa pengusaha mesti mendapat pendapatan yang wajar, jangan mereka sehingga menjadi miskin akibat daripada kita terlalu murah hati menyebabkan orang lain menderita.

Kalau sekiranya seorang pengusaha misalnya mendapat pendapatan \$1,000 sebulan dalam keadaan yang baik, jangan kita mengambil sesuatu cara atau pendekatan yang boleh menyebabkan pendapatan itu lebih rendah sehingga mereka tidak mampu meneruskan penghidupan mereka dalam kawasan. Kalau kita anggapkan \$1,000 itu sebagai angka yang sesuai untuk hidup di bandar, maka jangan kita mengusek pendapatan mereka dengan hanya menimbangkan hasrat kita sahaja iaitu kita ingin mendapat popularity kerana dapat memberi lesen kepada orang.

Kerana itulah, Kementerian atau Kerajaan tidak hairan sebenarnya bila menerima banyak kritikan mengenai dengan hal lesen ini, kerana kadang-kadang ia timbul semata-mata kerana orang itu memohon tetapi tidak dapat. Kalau sekiranya kita beri kepada orang yang yang bersungut itu dan tidak beri kepada orang yang kita telah berikan, maka yang itu pula akan bersungut pada pihak yang lain, dan begitulah seterusnya. Satu lagi yang penting sekarang ini ialah mengenai dengan pemilihan pemohon yang sesuai dan didapati mampu menjalankan pengu-rusan mereka.

Sebab itulah mulai awal tahun ini telah kita usahakan satu rangka kerja membuat kriteria apakah yang harus dimiliki oleh seseorang pemohon supaya kita memberi lesen kepada orang yang lebih tepat. Itu pun sebenarnya kita hendaklah secara rasional. Kita tidak boleh menjamin 100% kerana kalau kita beri, kita dapati dan yakin yang dia boleh menjalankan perniagaannya, tetapi kadang-kadang oleh kerana masalah yang terjadi dalam kehidupannya maka dia gagal kerana itu adalah sebenarnya

sentiasa mengandungi risiko. Tetapi usaha yang dibuat sekarang ialah menyediakan beberapa kriteria tentang latar belakang pemohon.

Tidaklah benar sebagaimana dituduh oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa kita tidak langsung mengambil kira mengenai orang yang telah menjadi pemandu sampai 10 tahun tidak dapat lesen. Kalau sekiranya pihak Yang Berhormat dari Bukit Bintang menerima satu sungutan misalnya, kata orang puteh, jangan "generalize". Jangan suka mengumumkan atau menghukum secara umum di atas satu peristiwa.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya akan beri, Bila habis bab teksi ini, saya beri dia chance. Ini bab teksi lagi, nanti dahulu.

Tuduhan-tuduhan yang suka menghukum secara keseluruhan hanyakerana satu kes yang disampaikan kepada mereka, menggambarkan keghairahan untuk mencari kesalahan orang lain.

Mengikut ajaran kemanusiaan yang baik, kita tidak boleh terlalu lumrah membuat generalization. Lebih tepat dalam dunia modern seperti ini kita ambil kes dan kalau kes itu didapati buruk, kita mesti mencari jalan bagaimana hendak memperbetulkan kes yang berkenaan. Ini adalah atas keyakinan saya bagi pihak Kerajaan bahawa sistem yang ada pada Kerajaan adalah baik dan mesti kita perkuat. Kalau kita dapati ada perkara-perkara yang pada pandangan kita kurang baik, maka kita boleh cari jalan kerana Kerajaan sentiasa terbuka kalau ada cadangan untuk memperbaiki sistem, kita boleh membuat cadangan-cadangan. Dan Kerajaan bersedia memperbaiki sistem yang ada. Sebab itulah di Kementerian Perusahaan Awam, pada

awal tahun ini juga telah diwujudkan satu Jawatankuasa Pengaduan. Yang Berhormat daripada Bukit Bintang barangkali kerana dia berjalan selalu pandang ke atas tidak pandang ke bawah, tidak ternampak tong-tong tempal peti pengaduan Kementerian Perusahaan Awam. Jadi kalau berjalan tunduk ke bawah sedikit, nampak. Jadi, kalau ada kes, masukkan kertas-kertas itu ke dalam tong itu dan kita bertindak.

Jawatankuasa ini secara khusus dibentuk dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam. Ini bab kenderaaan—teksi. Yang Berhormat dari Bukit Bintang hendak tanya tadi tanyalah. Hal teksi, yang lain jangan lagi.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kalau DAP memerintah negara ini akan terdapat lebih banyak kenderaan daripada penumpang. Saya rasa ini satu tuduhan yang tidak berapa sesuai dan patut. Kerana kita tidak mahu melihat atau nampak Kementerian berkenaan meluluskan permit-permit....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Apa soalnya Yang Berhormat?

Tuan Wee Choo Keong: Ini latar belakang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nampaknya hendak buat kenyataan.

Tuan Wee Choo Keong: Latar belakang. Apa yang kita hendak tahu kenapa pemandu-pemandu yang sudah memandu teksi selama 5 atau 6 tahun, bukannya satu atau dua; ini bukan generalization, ini satu hakikat yang kita tidak boleh menatikan. Kalau kita naik teksi, selalu mereka mesti kata apabila ditanya:

"Awak ada permit sendiri atau tidak?"

"Tidak, mesti sewa daripada Saujana teksikah atau lain-lain....."

Kita hendak tahu kenapa orang yang perlukan permit teksi tidak diberikan. Tetapi Kementerian memberikan beratus-ratus permit kepada Saujana Teksi yang dimiliki oleh satu keluarga "Tan". Jadi itu yang kita hendak tahu. Kenapa Kementerian memberikan beratus-ratus permit kepada satu syarikat seperti Saujana Teksi dan tidak memberikan permit kepada orang awam seperti pemandu teksi yang sudah memandu leksi 5,6 atau 7 tahun. Mereka inilah yang perlukan teksi permit bukan Saujana Teksi. Saujana Teksi sudah kaya-raya. Mereka ada Taman Orchid De.su iaitu housing estate dan ada South Johor Bus juga milik Saujana Teksi. Kita kluar nanti Saujana Teksi ini mcngekplotasikan pemandu-pemandu teksi. Yang itu yang saya hendak bangkitkan. Saya harap Menteri janganlah lari daripada soalan ini. Hingga sekarang tidak ada sebut pun nama Saujana Teksi. Kenapa? Takut ataupun apa? Atau pun ada kepentingan dalam hal ini. Terima kasih.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Pengerusi, saya pun sudah sangka style DAP macam itulah. Dia kata takutlah dan macam-macam, dia mengikut style ketua dia. Dia ugut, lepas itu dia provoke kita, suruh kita jadi macam dia juga. Tetapi insya Allah, kita tidak akan jadi macam dia. Katalah apa pun tetapi kita ada peraturan.

Urusan-urusan yang dibuat, yang kita patut bincang ialah peraturan. Kalau sckiranya ada kes yang salah, buktikan dan kita ada saluran tindakan dengan lidak payah meminta supaya suhtesebut nama dan kemudian hendak minta saya sebut juga. Kononnya kalau saya sebut juga, kalau misalnya orang Melayu kata 2 x 5 ahajalah. Jadi kita tidak mahu pakai konsep 2 x S. Kita ada satu garis panduan kerja. Bila kita membuat jawapan dalam hal-hal yang dibangkitkan, concern kita, Tuan Pengerusi, ialah mengenai sistem pentadbiran. Tepat atau tidak tepat.

Yang hendak saya beri jawapan ialah bahawa apa yang diuruskan oleh Lembaga Pelesenan adalah mengikut peraturan. Dan kalau sekiranya ada perkara yang didapati tidak wajar mungkin pendapat itu adalah sebenarnya sangat subjektif berdasarkan kepada pemikiran satu kumpulan dengan tidak mengambil kira keadaan-keadaan sebenar, realiti yang ada dalam pentadbiran dan juga mengenai dengan skop yang lebih luas.

Tidak perlu saya sebut kesemuanya perkataan-perkataan yang diminta oleh pihak Yang Berhormat. Kita akan pastikan bahawa kalau sekiranya ada perkara yang tidak tepat, maka kita bersedia. Fikiran kita terbuka. Beri cadangan dan kita ambil tindakan. Misalannya dalam kes orang yang memandu lebih daripada 10 tahun, tidak perlu saya sebut Kementerian telah beri kepada siapa. Memang telah banyak diberi, walaupun pada masa ini Kerajaan berhasrat atau membuat keputusan untuk memberikan kepada syarikat-syarikat.

Kerana matlamat kita ialah supaya urusan pengangkutan awam ini dibuat demi untuk menjaga kualiti pengurusan, maka ia mesti diserahkan kepada satu agensi atas nama syarikat yang mesti mengambil tanggungjawab yang penuh dari segi sistem, dari segi kemampuan teknikal, pengurusan dan sebagainya, yang kadang-kadang kalau sekiranya kita beri kepada individu—sebenarnya, sudah terbukti bahawa selepas beberapa tahun, maka kenderaan yang dimiliki oleh individu ini berpindah tangan kepada pihak yang kadang-kadang tidak sanggup menguruskan kenderaan itu dengan baik, iaitu membiarkan kereta itu kotor dan berasap kerana tanggungjawabnya kepada kenderaan ini begitu rendah.

Kerajaan memutuskan untuk menyerahkan kepada syarikat supaya syarikat ini akan dapat bila minta, kita hubungi supaya mereka menunaikan syarat-syarat yang kita beri dari masa

kesemasa. Kalau sekiranya syarikat ini tidak memenuhi kehendak-kehendak dan peraturan, maka telahpun saya tegaskan tadi, kita tarik balik. Tetapi proses tarik balik ini bukanlah seperti proses tarik balik macam yang DAP hendak. Proses tarik balik adalah mengikut peraturan. Kita ada peraturan-peraturan, kita beri surat, beri peringatan, beritahu tentang kesilapan dan mungkin kita akan beri tempoh kepada mereka dan kalau mereka tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang kita kenakan, maka kita akan mengambil undakan dan dia tahu bahawa lesennya akan ditarik balik. Sebenarnya dalam hal ini, mungkin Yang Berhormat tidak terbaca kenyataan-kenyataan yang saya buat mengenai perkara ini. Kita telahpun....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Sebenarnya, telahpun beberapa kali kenyataan yang dibuat iaitu lesen-lesen boleh ditarik balik mengikut Akta yang telah sedia ada di dalam Kementerian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya ingat tidak payahlah. Saya rasa saya sudah cover mengenai hal teksi yang ditimbulkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya ingin berpindah kepada masalah UDA. Sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa kalau sekiranya dikatakan bahawa "harapkan pagar, pagar makan padi", sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa jangan sekali-sekali kita melihat kelemahan orang tetapi kita kena melihat kelemahan diri kita sendiri. Sebab itu sekali lagi saya ingin menyatakan kalau sekiranya terdapat sesuatu kesalahan,

kemudian kita hendak membabitkan keseluruhan orang lain, maka anggapan itu adalah salah. Kita tidak boleh mengamalkan sikap yang sedemikian. Mengenai kerugian, kalau skiranya disebutkan di dalam mana-mana penyata rasmi Kerajaan, maka agensi Kerajaan akan bertindak mengikut saluran yang ada. Kerajaan tidak akan mengalpakan sebarang komen yang dibuat oleh mana-mana penyata rasmi Kerajaan. Bukanlah pula tugas Kerajaan untuk menceritakan satu-persatu apakah tindakan yang dibuat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, terutamanya DAP barangkali mengikuti juga usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan kualiti pentadbiran untuk melahirkan dan mewujudkan keadaan yang lebih baik dan uniuik meningkatkan sistem pengurusan yang sentiasa tercabar dan perkara-perkara yang tidak baik itu kadang-kadang datang daripada orang-orang seperti parti DAP yang menyebabkan keadaan menjadi kelam-kabut. Usaha-usaha Kerajaan yang dibuat seperti penubuhan INTAN, kursus-kursus di luar negeri, kursus-kursus lain dalam negeri yang dibuat di dalam pengurusan Kerajaan, kesemuanya adalah menuju ke arah meningkatkan kualiti pengurusan supaya kita menyahut apa-apa komen yang dibuat dalam penyata rasmi Kerajaan, terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan kewangan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kepong bangun.

Dato' Dr Moliyamud Yusol' bin Haji Mohamed Nor: Tidak payah, dia tidak cakap pun. Saya beri peluang kepada yang bercakap sahaja. Yang tidak bercakap tidak payahlah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak beri atau tidak?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tidak,

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Membuang masa sahaja.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang bangun pula.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kementerian Kesihatan masih ada, Kementerian Dalam Negeri ada lagi tetapi masa sedikit. Jadi, dalam hal ini, Tuan Pengerusi....

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri Yang Berhormat, sila duduk!

Dato' Dr Mohamad Yusot bin Haji Mohamed Nor: Kalau sekiranya pihak Yang Berhormat dari Bukit Bintang, misalnya ingin menarik perhatian pihak Kementerian lentang perkara kerugian, Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang khusus kepada kes-kes yang seperti itu supaya ia tidak berulang dan kerana itulah dalam keadaan sekarang ini, sama ada UDA ataupun MARA telahpun meningkat dari segi prestasinya sama ada dalam kutipan kewangan dan juga dari segi pengurusan korporat. Ini semuanya hasil dari usaha-usaha yang dibuat setelah kita mendapat laporan rasmi dan janganlah kita ambil satu tahun dan kita hukum peristiwa buruk dalam satu tahun untuk dihukum kepada tahun-tahun yang lain. Peristiwa yang berlaku ini, sehingga ke hari ini—kerana Yang Berhormat bercakap pada hari ini, maka mereka mesti mengasaskan pendapat mereka sehingga ke hari ini sama ada terdapat perubahan ataupun tidak. Terbukti sekarang ini prestasi UDA dan MARA dalam bidang korporat dan pengurusan mereka jauh meningkat dan

apa yang berlaku dahulu bukanlah satu kesilapan, tetapi kerana mungkin pada masa awalnya, pengalaman pengurusan kurang. Pengurusan memerlukan kepada kemahiran dan kerana itulah penubuhan UDA dan MARA mempunyai objektif yang tertentu. Di antaranya ialah unkluk melahirkan pengusaha-pengusaha, membanyakkan latihan-latihan dan apa yang berlaku di dalam agensi-agensi ini sebahagiannya adalah proses latihan pengurusan yang telah banyak memberi kesan kepada rancangan penyusunan semula masyarakat di dalam negara kita. Itulah sahaja statement yang saya buat mengenai dengan perkara yang dibangkitkan bahawa ada banyak kerugian-kerugian hingga boleh dianggap bahawa ia mengikut konsep "harapkan pagar, pagar makan padi".

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, Bukit Bintang bangun lagi.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tidak payahlah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tidak,

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk!

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Saya ingin berpindah kepada persoalan-persoalan yang berbangkit mengenai dengan MARA. Mungkin ramai orang yang ingin mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan MARA dan Alhamdulillah, saya fikir sudah ramai pun mengikutinya daripada perbincangan-perbincangan yang dibuat dan juga menerusi kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh akhbar-akhbar

yang saya percaya telah menolong memberi kefahaman mengenai dengan MARA. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada orang-orang yang telah menyatakan bahawa MARA bernasib baik kerana ada orang yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tumpat tadi iaitu seorang intelektual yang memimpin Kementerian. Saya tidak tahulah definisi intelek beliau yang macam mana, tetapi orang di Kementerian berkenaan tidaklah merasa intelektual sangat, cuma kalau sekiranya ada kejayaan, kejayaan itu sebenarnya adalah kejayaan hasil dari kerjasama, kerana agensi ini adalah agensi yang sentiasa peka dengan pandangan-pandangan rakyat. Berasaskan ini, agensi MARA, termasuk UDA, sebenarnya sentiasa mengambil kira pendapat-pendapat rakyat dan kalau sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan, kita tidak boleh terlepas daripada pemikiran yang diasaskan daripada segi kepentingan orang ramai.

Isu yang terjadi hari ini, walaupun dikatakan ada kalam-kabut, mungkin ada orang menganggapkan kalau ada kalam kabut, pihak yang melihat dari luar hanya mengatakan bahawa kekelamkabutan itu melambangkan satu keburukan. Tetapi janganlah pihak ini lupa bahawa sesuatu peristiwa yang berlaku itu menandakan ada pergerakan dan ada usaha. Bila ada usaha maka masih ada berlaku aksi dan ada reaksi. Kalau sekiranya kita hendak membuat sesuatu kebaikan kita tidak boleh membiarkan sesuatu berlaku sehingga kita takul di usik dan kalau sekiranya kita membiarkan sedemikian, maka agensi Kerajaan yang seperti ini mungkin membeku. Saya menganggapkan bahawa peristiwa yang berlaku, yang dibangkitkan ataupun yang diminati oleh seselengah pihak, iaitu pihak-pihak yang berminat ini, saya anggap sebagai reaksi yang diberi oleh mereka, hanyalah untuk kepentingan mereka.

Bagi saya di Kementerian, apa yang berlaku adalah sebenarnya merupakan hasil daripada usaha untuk memperbaiki keadaan. Tidak adu kekelamkabutan.

Saya ingin merujuk kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas. Dalam kes pentadbiran, MARA ada Aktanya, pemegang jawatan dalam MARA ada kewajipannya mengikut apa yang ditulis dalam Akta MARA. Majlis ada hak-hak, ada kuasa berdasarkan kepada Akta MARA. Pengerusi MARA ada hak-hak sebagaimana yang diperuntukkan oleh Majlis atau yang diberi kuasa atau diarahkan oleh Menteri di Kementerian yang berkenaan. Oleh kerana kuasa Pengerusi, tindakan-tindakan yang dibuat oleh Pengerusi, kuasa Ketua Pengarah, kuasa Majlis dan peranan Kementerian yang mengawasinya sudahpun sedia ada. Maka peristiwa yang berlaku pada masa ini tidak akan dialpakan oleh Kementerian di mana ada kesalahan berlaku, maka pihak pentadbiran dalam Kementerian bertanggungjawab mengambil tindakan.

Saya mengucapkan terima kasihlah kepada perhatian yang diberikan, cuma mungkin sebahagian daripada Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui apakah kedudukan yang sebenarnya hasil daripada peristiwa yang berlaku. Saya ingin menyatakan bahawa tindakan-tindakan yang berkaitan dengan pentadbiran dalam agensi yang bernama MARA ini, kalau sekiranya berlaku sesuatu yang tidak mengikut peraturan, saya sebenarnya telahpun mengarahkan pihak Kementerian untuk mengambil tindakan yang sesuai dan perkara ini kalau sekiranya diambil tindakan, tentulah akan mengikut peraturan-peraturan.

Mengenai dengan perkara yang disebutkan sama ada hendak dipinda Akta MARA ataupun tidak, pada pendapat Kementerian pada masa ini Akta MARA itu adalah sudah sesuai dan kalau sekiranya kita dapat mengamalkan

kehendak-kehendak Akta yang telah sedia ada, saya fikir MARA tidak akan tergendala dalam menjalankan urusannya dan ia lebih selamat kalau sekiranya semua pihak memberi kepercayaan yang tinggi setinggi-tingginya kepada pihak yang menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan MARA. Dan segala urusan yang berkaitan dengan pelaksanaan akan saya, sebagai pihak yang diberi amanah menjalankan kerja ini, akan mengambil tindakan yang sesuai. Dan kalau sekiranya sesuatu arahan yang dibuat mengikut peraturan atau kehendak Akta, maka tidak perlulah Ahli-ahli Yang Berhormat bimbang, kerana perlanggaran kepada kehendak Akta tentulah boleh dianggap sebagai suatu kesalahan.

Mengenai dengan elaun Pengerusi yang makin turun, elaun Pengerusi yang makin turun ini—sebagai respon kepada soalan Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi—ini saya lak dapat nafikan, kerana ada surat arahan yang diterima oleh pihak MARA supaya menurunkan elaun Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Tetapi pihak Kementerian, apabila saya dimaklumkan perkara ini, saya suruh siasat sama ada terdapat kewajaran mengenai perkara ini dan diteliti adakah ini serupa dengan kehendak Akta MARA, kerana Akta MARA menyebutkan bahawa elaun Pengerusi MARA dan Timbalannya diputuskan oleh Menteri.

Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, Kok Lanas bangun.

Dato' Dr Mohd. Yuspf bin Haji Mohamed Nor: Nanti sekejap lagi, fasal ayat saya tak habis lagi. Jadi, kalau sekiranya ada arahan ini, saya fikir masih ada ruang untuk diperbetulkan, kerana mungkin kadang-kadang ada sedikit ketersasulan, misalnya. Saya yakin Kerajaan melihat secara keseluruhannya, kerana Pengerusi agensi-

agensi seperti ini atau yang hampir serupa dengannya banyak dan yang saya tahu badan-badan berkanun seperti ini memang banyak, mungkin pihak Kerajaan iaitu saya sendiri boleh berbincang dengan lebih teliti lagi dengan rakan-rakan sejawat bagaimanakah kedudukan perkara ini, sama ada surat yang sama juga dikeluarkan untuk agensi-agensi yang lain dan sebagainya. Tetapi khusus bagi MARA, saya minta supaya diteliti hal ini dan tujuan daripada penelitian yang hendak dibuat ialah supaya tidak ada percanggahan dengan maksud Akta yang telah sedia ada. Ada soalan?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kok Lnnas.

Tuan Haji Shukri bin Haji Mohamad: Saya minta penjelasan sedikit sahaja, Tuan Pengerusi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bahawa tadi dikatakan ada sepucuk surat mengarahkan pihak MARA menurunkan elaun bagi Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Apa yang saya hendak tahu, surat ini daripada mana? Siapa yang membuat arahan supaya menurunkan elaun Pengerusi dan Timbalan Pengerusi?

Yang keduanya, adakah pada masa yang sama adakah kementerian-kementerian lain mengalami tindakan yang sama iaitu penurunan elaun bagi Pengerusi dan Timbalan Pengerusinya?

Dato' Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Pengerusi, surat itu seperti biasa kerana kita ada banyak agensi Pusat kerana kita ini adalah suatu Kerajaan yang ada agensi Pusat yang mengawal pengurusan Kerajaan, Jadi, bila ada sepucuk surat yang diterima daripada Kementerian Kewangan, maka kita minta supaya diteliti perkara ini supaya kita dapat menyelaraskan. Kalau sekiranya perlu diperbetulkan, maka saya percaya ruang pembetulan itu dapat dibuat. Ini practice Kerajaan kita. Sama ada agensi lain terima surat itu ataupun

tidak, saya tidak boleh memberi jawapan bagi pihak agensi yang lain, tetapi khusus bagi Kementerian ini, maka Kementerian ini terpaksa refer kepada Akla Majlis, yang sebenarnya memang Akta Majlis menetapkan bahawa Menteri yang memutuskan elaun Pengerusi MARA dan Timbalan Pengerusinya dan juga elaun-elaun bagi Ahli-ahli Majlis. Dan saya ingin memberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat iaitu apapun kuasa yang diberi di dalam Akta ini, saya tidak akan menyalahgunakan kuasa, saya akan teliti, asalkan diberi kepercayaan, saya boleh buat. Insya Allah.

Saya rasa saya sudah sentuh hal teks, UDA, hal-hal lain dan oleh kerana masa. . . .

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Menteri, Nilam Puri bangun.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, satu soalan sahaja, iaitu kalaulah Ketua Pengarah MARA melanggar Akta MARA itu sendiri—Ketua Pengarahnya melanggar Akta yang dia tahu. Jadi, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap Ketua Pengarah yang telah melanggar Akta MARA itu?

Dato' Dr Mohd. Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tadi telah sebutkan bahawa perkara ini telahpun saya minta Ketua Setiausaha Kementerian mengambil tindakan. Itulah sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$110,494,800 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi dipuluskan, dan disetujui.

Wang sebanyak 5110,494,800 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$322,702,030 yang disebutkan untuk Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$322,702,030 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.34(Jadual)—
Maksud P.34 (Anggaran Pembangunan,
1992) —*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahaskan. Parit Sulong.

5.10 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menyentuh dengan ringkas Butiran 020000 Perkhidmatan Kesihatan Awam iaitu berkaitan dengan Program Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit di bawah Program Aktiviti 020300.

Sebagaimana yang dijelaskan bahawa aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit adalah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menyelenggara dan mengemaskini rangkaian surveillance bagi meramal dan mengesan dengan awal kejadian wabak sesuatu penyakit, juga mengkaji sebab-sebab dan seluruhnya. Pada waktu yang sama ialah menggalakkan perhubungan rapat dan kerjasama dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang

berkaitan dengan pencegahan dan kawalan penyakit.

Dalam konteks ini, saya rasa Tuan Pengerusi lalah dapat mengagak penyakit apa yang akan saya sebutkan di sini. Oleh kerana Timbalan Menteri Kesihatan pun sudah agak dikenali sebagai Mr. AIDS, jadi saya pun merasa amat tertarik dengan penyakit AIDS ini. Dalam konteks ini bukan dia pula pengidap, dia ini adalah tukang perang dan orang yang paling agak terketengah untuk memerangi penyakit AIDS di negara kita sekarang.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa penyakit ini apabila sampai ke tahap hari ini telah menimbulkan masalah yang multi-dimensi, ataupun dengan izin, multi dimensional problems. Kalau awal-awal dahulu kita cuma kedengaran masalah pesakit-pesakit, sekarang ini kita telah juga kedengaran jeritan, laungan anak-anak pesakit. Anak-anak yang menjadi yatim oleh kerana ayahnya telahpun meninggal dunia oleh kerana dikorbankan oleh AIDS. Kita juga mendengar cerita-cerita mengenai keluarga yang jadi dislocated, dengan izin, alaupun agak keterasing menjadi dipulaukan oleh kerana keluarga itu salah seorang anggotanya adalah seorang pesakit AIDS.

Dan juga kita mengalami satu masalah di mana orang-orang yang dijangkiti ataupun sedang diserang oleh kuman penyerang dayatahan ataupun HIV ini, sekarang ini menghadapi dilemma menunggu tercetusnya ataupun kuman itu menjadi matang dalam lempoh yang telah dianggarkan sekarang antara 6 hingga 10 tahun supaya meletus menjadi AIDS. Dan pada waktu yang sama juga kita mengalami satu masalah di mana pesakit-pesakit AIDS ini ataupun mereka pembawa HIV, HIV carriers ini, tidak termampu untuk membeli satu ubat agaknya yang dipanggil sebagai AZT, apa maksudnya,

saya pun kurang tahu, yang kononnya boleh memanjangkan tempoh kuman itu untuk meletus kepada penyakit, AIDS.

Jadi, kita nampak bagaimanakah luasnya dimensi yang dilahirkan oleh penyakit AIDS ini. Dari segi medical carenya, dari segi social counsellingnya dan berbagai-bagai. Dalam konuks ini, saya ingin bertanya dari sejumlah wang yang diperuntukkan, berapa banyakkah Kementerian Kesihatan diperuntukkan dengan peruntukan untuk kerja-kerja memerangi pesakit ini dari dimensi yang berbagai-bagai tadi. Dan apakah persiapan-persiapannya, adakah kita mempunyai tenaga yang terlalih dari segi social counselling khusus untuk pembawa-pembawa kuman HIV, adakah kita mempunyai tenaga yang terlalih untuk melakukan kaunseling kepada memang yang telah jelas, full blown AIDS victims, dengan izin, dan bagaimanakah lagi. Adakah kita pihak Kerajaan dari segi Kementerian Kesihatannya memberikan ubat AZT secara percuma kepada mereka yang dijangkiti AIDS oleh kerana perbuatan misadventurennya sendiri, bukan kerana menerusi pemindahan darah dan sebagainya, maksudnya adakah Kerajaan akan memberi bantuan perubatan kepada mereka yang dijangkiti oleh AIDS kerana mereka ini memang mengamalkan amalan-amalan yang memang gemar untuk dihinggapi oleh kuman HIV?

Oleh kerana saya difahamkan pada hari ini pihak Kerajaan hanya memberi bantuan ubat yang memerlukan beribu-ribu ringgit hanya kepada mereka yang dijangkiti oleh AIDS oleh kerana proses-proses pemindahan darah. Dan dalam konteks ini juga, saya ingin bertanya adakah benar bahawa seorang mangsa yang dijangkiti oleh AIDS akibat pemindahan darah di Universiti Hospital baru-baru ini yang menjadi hiasan muka depan suratkhbar telahpun meninggal dunia?

Tuan Pengerusi, inilah penyakit yang dihadapkan kepada kita, yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada kita. Penyakit yang tidak mengenal siapa mangsanya, penyakit yang belum mempunyai ubat pun. Kalau dahulu daripada buku-buku yang saya baca, umpamanya kalau penyakit kelamin yang lain, umpamanya VD dan sebagainya, yang merebak luas ketika Perang Dunia Pertama dan Kedua dahulu, dia hanya dijumpai vaccine untuk mencegahnya selama 300 tahun.

Sekarang ini AIDS yang wujud, yang muncul dalam dunia yang canggih, dunia teknologi perubatan yang terlalu moden, belum lagi mempunyai ubat, walaupun telah dikesan lahirnya sejak 10 tahun yang lalu. Jadi, apakah persiapan negara kita dari segi konteks kesihatannya untuk mencegah penyakit ini?

Oleh kerana saya tahu dan kita semua lahu sebagaimana kita ini adalah amat berhampiran sekali dengan pintu dari "utara". Pintu yang sekarang ini sedang membendung lebih kurang 200,000 kalau tidak silap, pembawa-pembawa kuman HIV, yang boleh masuk dan sekarang pun telah mencuri masuk ataupun diseludupkan masuk ke dalam negara kita. Orang-orang ini menurut kenyataan-kenyataan daripada Timbalan Menteri dan seluruhnya telah juga menyusup ke bandar-bandar yang kecil. Jadi, AIDS bukan sahaja penyakit eksklusif kepada warga kota, AIDS bukan sahaja penyakit eksklusif kepada bandar-bandar besar, AIDS akan menjadi satu penyakit yang akan mengancam seluruh umat warganegara Malaysia.

Jadi, saya harap kita harus dan saya yakin Kementerian Kesihatan pun memang telah menjalankan kerja-kerja ini menjadi lebih pro aktif dalam sikap lindakan kita dalam konteks AIDS ini.

Tuan Pengcrusi, oleh kerana saya memang amat takut dan saya tadi kurang menyebutkan apabila saya menyebutkan

perkataan AIDS, sekarang ini timbul satu ketakutan (fear), di dalam kita melancarkan kempen 2A yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian Penerangan baru-baru ini dan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah. Kita juga menerusi satu kempen yang niatnya adalah untuk mencegah dari merebaknya penyakit ini, kita telah mewujudkan satu macam ketakutan di kalangan rakyat. Sebagaimana kita mendengar orang takut pergi ke kedai gunting, orang lakut hendak pergi jumpa dentist dan sebagainya.

Jadi, banyak perkara yang harus kita lihat untuk mengatasi wujudnya penyakit ini dan saya memang amat berbanggalah—biar saya rakamkan di Dewan yang mulia ini—sejak kebelakangan ini Kementerian Kesihatan memang terlalu aktif, terlalu prihatin dan terlalu committed dengan tindakan-tindakan, tetapi saya rasa lebih banyak lagi yang boleh dibuat.

Saya ingin bertanya sekarang ini bagaimanakah pihak Kementerian Kesihatan dapat mengesan jumlah yang lebih kurang 2,000 HIV carriers? Adakah dengan menjalankan blood sampling dengan secara rambang (random) di mana-mana lokasi yang disukai ataupun menerusi concentration kepada orang-orang yang memang agaknya mempunyai risiko yang tinggi, umpamanya penagih dadah, pelacur, banduan dan sebagainya yang disyaki (suspect) boleh melakukan perhubungan sejenis ataupun perkelaminan sejenis ataupun daripada 2,000 pembawa-pembawa kuman HIV ini (HIV carriers) didapati mungkin dari Wakil-wakil Rakyat yang suka pergi check dan test darah mereka. Saya takut oleh kerana salah satu agen penyiaran HIV adalah pelacuran (prostitution) dan perbuatan ini adalah perbuatan yang memang bertentangan (against) dengan agama dan etika sosial kita. Selalunya orang yang melakukan tidak akan secara sukarela bahawa 'aku takut dan aku

mengesyaki diri aku ini dijangkiti oleh si polan setelah aku...'.

Saya menyebutkan perkara ini oleh kerana pihak Polis Petaling Jaya pernah mengeluarkan cerita-cerita di akhbar-akhbar Lembah Klang sama ada Malay Mail ataupun Metro, dia minta siapa-siapa yang agaknya pernah berpelanggan dengan seorang pelacur yang datang dari Siam yang beroperasi di kawasan sekian, harap datang ke muka, takkan mereka hendak datang. Ini masalahnya. Saya takut di sebalik kes ini, lebih banyak lagi. Oleh kerana dia takut, dia take for granted, dia meneruskan hidup berfamily secara normal, takut perkara ini telah merebak kepada isteri, takut isteri telah melahirkan seorang generasi yang lain, generasi ini akan mewarisi penyakit itu yang akan merebak dan terus merebak.

Tuan Pengerusi, saya hanya mahu mengkhususkan dalam konteks ini mengenai Butiran ini sahaja oleh kerana kekhuatiran, kebimbangan yang disaingi dengan keprihatinan ini memang terlalu bercampuraduk, terlalu menimbulkan anxiety dan kebimbangan kepada seluruh masyarakat. Jadi, dalam konteks ini saya harap Menteri Kesihatan ataupun Timbalannya akan dapat memberi huraian-huraian terperinci oleh kerana di samping walaupun kita nampak menerusi kenyataan-kenyataan telah meluaskan dataran horizon peperangan AIDS dengan ura-ura mahu menubuhkan satu pakatan pencegahan dari segi regional, dari segi ASEAN dan sebagainya, saya rasa yang paling khusus kita tumpukan kepada masyarakat kita, kita tumpukan kepada keluarga kita dan bagaimana pula cadangan Kementerian Kesihatan untuk membendung, untuk tutup terus-menerus, to seal if possible saluran pelacur-pelacur yang masuk. Banyak kenyataan telah disebutkan tetapi tidak dilihat kesannya sekarang ini.

Saya pernah mendengar Kementerian Kesihatan ingin mencadangkan supaya "bapak-bapak ayam" yang membawa

masuk pelacur ini akan didenda dengan sehebat-hebatnya, tetapi ada juga kenyataan dari peringkat tertinggi yang menjalankan undang-undang, tiada undang-undang yang khusus mengenai pelacuran. This is an irony. Ini satu keanehan dan ini satu dilemma kepada kita. Adakah Kementerian Kesihatan akan mencadangkan satu badan yang diselaraskan mengenai AIDS ini dari segi pencegahan kesihatan, dari segi pencegahan undang-undang dan sebagainya?

Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih dan sekali lagi saya merakamkan tahniah kepada Kementerian Kesihatan dan didoakan supaya usaha kita tidak akan menimbulkan lebih mudarat kepada warganegara di Malaysia pada masa akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap.

5.25 *ptg.*

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya ingin memulakan perbincangan saya ke mukasurat 178 di bawah Kepala P.34, Butiran 00400, tajuknya ialah Hospital-hospital.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang pada masa ini sedang giat mendirikan hospital-hospital di kawasan-kawasan pendalaman. Tetapi apa yang saya hendak bercakap tentang hospital-hospital ini bukanlah hospital-hospital yang sedang didirikan. Apa yang saya hendak membawa kepada perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pada hari ini ialah mengenai dengan Hospital Besar Kuala Lumpur.

Kita mungkin berbangga bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur adalah hospital yang paling besar di dunia, iaitu hospital yang mempunyai 3,000 katil untuk pesakit-pesakit. Ini adalah satu

perkara yang patut dibanggakan kerana ianya besar. Tetapi kalau dilihat dari sudut yang lain bahawa hospital yang mempunyai 3,000 katil untuk pesakit-pesakit itu adalah satu hospital yang tidak patut kita banggakan, kerana hospital yang mempunyai 3,000 pesakit ataupun 3,000 katil sudah pasti membayangkan bahawa satu hospital yang susah hendak ditadbir, satu hospital yang sesak, satu hospital yang tidak boleh mempunyai iklim hospital, iaitu tempat di mana pesakit-pesakit selain daripada mendapat rawatan doktor, patut menerima kedudukan ataupun alam sekitar yang selesa. Hospital Besar Kuala Lumpur merupakan hospital sebegini kerana kalau kita pergi ke Hospital Besar Kuala Lumpur tidaklah ubati seperti kita pergi ke pasar, sesak. Saya diberitahu bahawa doktor-doktor yang hendak pergi dari satu unit ke satu unit kadang-kadang mengambil masa setengah jam untuk berjalan dari satu unit ke satu unit.

Saya harap pihak Kementerian mengambil perhatian tentang hakikat ini kerana satu-satu hospital yang ideal, saya difahamkan ialah satu hospital yang hanya mempunyai 200 katil sahaja yang mana satu pentadbiran hospital yang cekap, satu kedudukan ataupun iklim perawatan yang baik, kawasan-kawasan hospital ditanam dengan pokok-pokok dan pohon-pohon yang indah serta juga satu komuniti doktor dan pesakit yang cukup harmonis dan keadaan yang kita katakan sebenarnya hospital.

Saya biasa berjumpa dengan seorang pesakit yang dibawa ke hospital swasta di Kuala Lumpur. Apabila dia dibawa ke situ, komennya yang pertama dia kata, "Inilah hospital yang sebenar, kerana saya masuk ke sini saya berasa cukup setesa. Kalau saya masuk di Hospital Besar Kuala Lumpur, sakit saya akan bertambah."

Dia kata kerana terlalu sesak dan kedudukan ataupun keadaan iklim tempat mereka duduk itu tidak

merupakan satu tempat untuk diberi rawatan kepada orang-orang sakit.

Oleh itu saya mencadangkan supaya pihak Kementerian dicentralisedkan Hospital Besar Kuala Lumpur ini. Apa salahnya kalau dibuat satu lagi hospital yang optimum di Lembah Pantai, di kawasan Batukah ataupun mungkin di Kepong, kalaulah pihak Kerajaan tidak memandang apa-apa kepada kawasan Kepong, tetapi saya cadangkanlah supaya dibuat di Lembah Pantai atau di kawasan Batu dahulu. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, saya ingin....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun, Yang Berhormat Padang Terap.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan, Adakah Yang Berhormat dari Padang Terap bercadang dengan tiada tanah di Wilayah Persekutuan ini kita berhentikan Hospital Besar Kuala Lumpur ini, kita hantarkan pesakit-pesakit luar daripada Kuala Lumpur kerana di situlah ada tanah-tanah yang banyak untuk membangunkan hospital yang dikatakan optimum itu, 200-300 orang satu hospital. Kita berhentikan hospital ini, kemudian kita adakan beratus-ratus hospital di sekitar Kuala Lumpur. Adakah itu yang dicadangkan oleh Yang Berhormat?

Dalo' Dr Affifudin bin Haji Omar: Dari segi konsepnya begitulah, Tuan Pengerusi, tetapi Yang Berhormat dari Kepong mengatakan beratus-beratus—kalau beratus-ratus, itu tidak realistik. Yang saya cadangkan ialah 3000 bahagi dengan 200—ada lebih kurang 5 atau 6 buah hospital yang diletakkan di kawasan-kawasan Parlimen yang tertentu di dalam Wilayah Persekutuan, tetapi Kepong itu belaknglah sedikit, kita beri Sungai Besi dahulukah, ataupun lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, saya berbalik kepada B.34, iaitu Mukasurat 169, di bawah Butiran 010000—Program Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, tidak berapa lama dahulu ada ura-ura untuk membenarkan doktor-doktor swasta dan juga hospital-hospital swasta yang mengiklankan produknya ataupun mengiklankan perniagaannya dan malah, pada satu masa saya difahamkan bahawa Akta ini telahpundigubal, tetapi malangnya tidak dibawa ke Parlimen. Saya ingin tahu apakah kedudukan Akta ini dan adakah Kerajaan ataupun Kementerian telah menukar fikiran mengenai hakikat ini kerana saya menyokong usaha untuk mengiklankan perkhidmatan-perkhidmatan di hospital swasta dan juga doktor-doktor swasta kerana masyarakat kita pada masa ini adalah masyarakat yang mampu mendapat perkhidmatan yang lebih tinggi mutunya. Masyarakat yang middle-income group dan ke atas ini mampu mendapatkannya dan mereka mampu diberitahu tentang khidmat-khidmat kesihatan, khidmat-khidmat rawatan untuk mereka memilih dan kita tahu bahawa faktor atau dimensi inilah, dimensi mendapatkan rawatan ataupun mendapatkan service yang lebih bermutu adalah satu daripada indicator ataupun petunjuk-petunjuk kepada satu masyarakat yang maju. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan, apakah kedudukan usaha untuk membenarkan pengiklanan service ataupun khidmat doktor-doktor swasta dan hospital-hospital swasta?

Satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai dengan mukasurat yang sama, Program 020300, iaitu Pencegahan Kawalan Penyakit Berjangkit sepertimana yang dibangkitkan oleh saudara saya dari Parit Sulong,

Cuma saya ingin menambah sedikit ataupun menambah soalan-soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan kontroversi yang dilaporkan di dalam akhbar baru-baru ini ataupun lebih kurang enam bulan

yang lalu mengenai dengan berapa kalikah dose yang paling appropriate untuk diberi kepada seseorang yang mendapat suntikan HIV ini. Setengah doktor kata 2, setengah doktor kata 3, jadi yang mana satu yang betul? Pihak Kementerian tidak pernah datang ke hadapan menentukan yang mana saiu yang betul.

Kalau 2, itu tidak cukup. Maksudnya, pada pengetahuan saya, kalau 3 kali suntikan baru cukup. Kalau seseorang itu diberi 2, maka orang itu akan rosak kerana dose yang tidak cukup akan melemahkan ataupun menjadikan ia sebagai pesakit AIDS. Ini sahabat saya dari Kepong boleh memanjangkan hakikat ini sekali lagi. Hanya yang sayu ingin tahu, apakah pendirian atau apakah judgement yang dibuat oleh pihak Kementerian di dalam perkara ini? Sehingga kini, pihak publik ataupun pihak umum belum lagi mendapat apa-apa penjelasan daripada Kementerian. Dan soalan yang kedua....

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sebentar, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sunlikan HIV?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:suntikan, jadi kalau saya pergi membuat suntikan HIV, dalam suratkhbar New Straits Times ada dilaporkan bahawa setengah doktor mempertikaikan,...

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Suntikan untuk HIV atau Hepatitis B?

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Hepatitis, sorry, minta maaf, Hepatitis B. Dan perkara yang kedua mengenai dengan penyakit AIDS. Soalan saya adakah negara kita telah mendapat teknologi-teknologi yang paling terakhir

di dalam usaha kita melawan penyakit AIDS ini? Walaupun dunia ataupun manusia belum lagi mendapatkan satu cure, dengan izin, tetapi apakah kita telah mempunyai teknologi-teknologi se-kurang-kurangnya menahan ataupun memanjangkan umur orang itu seperti-mana yang kita baca dalam akhbar dan majalah-majalah luar seperti heating of the blood, dengan izin, memperhangat darah dan lain-lain lagi teknologi yang telah didapati oleh penyelidikan-penyelidikan untuk melawan AIDS yang dibuat oleh ahli-ahli sains.

Di bawah B.34, mukasurat 170 mengenai dengan Program 020500 Kawalan Vektor.

Saya ingin bertanya satu lagi masalah yang dijadikan kontroversi, mengenai pengawalan vektor iaitu di dalam usaha kita untuk memerangi denggi, kita menggunakan ubat DDT untuk menyembur ataupun fogging. Kalau tidak salah saya, dahulu saya ada membaca satu artikel di dalam satu majalah di mana penyemburan DDT melawan vektor ini telahpun diharamkan di Amerika oleh sebab research telah menunjukkan bahawa DDT ini boleh accumulate di dalam badan manusia dan mendatangkan mudarat kepada manusia. Apakah pendirian Kementerian di dalam hat ini? Saya biasa dahulu apabila usaha untuk mengawal malaria di dalam kawasan pedesaan, kebanyakan rumah-rumah orang kampung disembur putih habis dengan DDT ini dan apakah ini tidak disedari oleh pihak Kementerian?

Saya fikir memang pihak Kememcrilan sedar, tetapi apakah risiko ini diambil oleh pihak Kementerian untuk lcrus menggunakan DDT yang akhirnya membawa kepada kemudaratn kesihatan orang-orang—DDT itu accumulate, dengan izin, di dalam badannya.

Satu lagi perkara ialah Butiran 020600 Kawalan Mutu Makanan, iaitu penguatkuasaan kebersihan makanan di dalam MDKT, di dalam Majlis-majlis

Daerah yang mana pihak Kementerian memainkan peranan yang penting. Beberapa kali saya telah berucap di dalam Dewan ini mengenai dengan penguatkuasaan penggunaan penyepit ataupun pembalut tangan di dalam memegang bahan-bahan makanan, tetapi kalau dibuat survey pada masa ini di tempat-tempat penjualan atau di gerai-gerai penjualan makanan, khususnya di bulan-bulan puasa, ada banyak—boleh dikatakan 80% penjual makanan yang telah dimasak ini masih memegang dengan 'the naked hand', dengan izin, Tuan Pengerusi.

Mengapakah penguatkuasaan ini tidak dilakukan kerana inilah satu daripada cara penyakit-penyakit berjangkit berlaku. Di Alor Setar tahun sudah, penyakit diarrhoea telah merebak hasil daripada pemegangan yang dibuat dengan tangan yang tidak dibalut atau dengan tangan yang kotor ini.

Jadi, apakah pihak Kementerian masih belum mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini melalui keanggotaannya di dalam Majlis-majlis Daerah Kerajaan Tempatan di seluruh negara yang mengawal aktiviti-aktiviti penjualan bahan-bahan makanan ini.

Akhir sekali, di bawah B.34 juga mukasurat 177 Program ataupun Aktiviti 102100 Pengambilan Pcgawai Pakar Warganegara Asing dan Jururawat Kontrak.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kedudukan di dalam bidang ini khusus di dalam pengambilan Jururawat? Kita tahu bahawa selain daripada shortage of doctors, dengan izin, kita mempunyai juga shortage of nurses. Dan kita membaca dalam akhbar bahawa Kerajaan bercadang untuk mengambil Jururawat dari Sri Lanka, Myanmar dan daripada India. Apakah Kerajaan juga ingin mengambil Jururawat daripada Indonesia yang datang ke sini yang boleh dipos terus ke kawasan-kawasan luar

bandar, kerana Jururawat daripada Indonesia tidak akan mempunyai masalah bahasa dan tidak perlu ditrain lagi oleh Kementerian—satu penjimatan resources boleh dibuat oleh pihak Kementerian. Adakah pihak Kementerian juga menimbang untuk mengambil Jururawat-jururawat dari Indonesia? Dan kalau hendak mengambil, bila, bukan sahaja daripada Indonesia, daripada Mynmar, daripada Sri Lanka, India dan lain-lain lagi.

Dengan itu, saya menyokong peruntukan ini, Tuan Pengerusi, dan saya ucapkan terima kasih,

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tasek Chenderoh.

5.42 *ptg.*

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian membincangkan perkara di mukasurat 170 Butiran 030000 Perkhidmatan Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, pada 11hb November yang baru lalu, meninggalkan seorang tua yang berumur 53 tahun yang berpenyakit thalassemia di Universiti Hospital Kuala Lumpur. Beliau lelah dikebumikan pada hari Deepavali yang lalu di kampungnya di Lubok Merbau, di dalam kawasan saya. Allahyarham yang malangnya ini ialah Abdul Manas bin Kulup Saban. Yang menyedihkan, dan saya sebut Allahyarham yang malang kerana suasana beliau meninggal dunia itu adalah satu suasana yang begitu menyayukan kerana sebagai seorang pesakit ihalassemia, pesakit ini terpaksa diberi rawatan dengan pemindahan darah. Dan di dalam rawatan tersebut beliau lelah tersalah dipindahkan darah yang mengandungi virus HIV. Dalam menanti saat-saat akhirnya sudah tentulah keluarganya menghadapi satu penderitaan yang amat sangat, dan saya

sendiri dapat merasai suasana ini kerana beliau datang dari kawasan saya sendiri.

Tuan Pengerusi, sama ada beliau akhirnya meninggal kerana virus HIV, kerana penyakit AIDS ataupun kerana komplikasi yang berkaitan dengannya, sudah tidak penting lagi. Yang menjadi persoalan ialah kenapa seorang berpenyakit sebegini, yang pergi ke hospital untuk memulihkan penyakitnya, tetapi pada akhirnya beliau dibeban dan diakhiri hayatnya dengan bebanan yang beliau tidak cari, bukan sahaja bebanan kepada Allahyarham tersebut, tetapi kepada keluarga dan kepada masyarakat sekitarnya.

Tuan Pengerusi, bagi saya jawapan bahawa ada berlaku human error, salah labeling kepada packet darah dan sebagainya sudah tentulah tidak cukup. Pihak Kementerian dan pihak hospital sepatutnya menerima tanggungjawab dan memberi seberapa sempurna yang boleh, pampasan kepada keluarga dan masyarakat yang menderita disebabkan oleh kecuaiannya di pihak kakitangan, di pihak doktor dan di pihak pembedahan hospital tersebut. Adalah tidak memadai untuk saya memohon pampasan, tetapi terserahlah kepada Kementerian untuk memikirkannya bagi meringankan perasaan keluarga dan masyarakat sekitar tersebut.

Tuan Pengerusi, yang kita persoalkan sekarang ialah bagaimana perkara ini boleh berlaku? Tadi Menteri Perusahaan Awam ada menyebutkan janganlah kerana satu kesilapan, maka kita membuat statement ataupun hukuman yang generalise, hukuman yang umum. Tetapi kedapalan kes-kes ataupun peristiwa-peristiwa seperti ini sering berlaku. Masalah salah pindah virus AIDS, saya rasa ini bukan kali yang pertama. Pernah berlaku kepada seorang kanak-kanak kecil daripada Pulau Pangkor yang juga sudahpun meninggal dunia. Dan ada lagi peristiwa-peristiwa lain, tertinggal alat-alat pembedahan di dalam tubuh seseorang pesakit yang

melalui pembedahan. Dan baru-baru ini dalam kawasan saya, seorang anak kecil yang pergi ke klinik untuk mendapatkan ubat cacing diberi ubat darah tinggi. (*Ketawa*) Ini kejadian yang benar. Jadi, perkara-perkara ini boleh berlaku, sebenarnya akan mengikis, menghakis keyakinan rakyat kepada institusi yang sepatutnya memulihkan dan meringankan penderitaan mereka. The lost of confidence ataupun terjejas keyakinan kepada institusi yang begitu penting ini haruslah diambil perhatian dengan serius. Bagaimanakah Kementerian seharusnya memulihkan keyakinan? Bagi penduduk di kawasan saya, khasnya di kawasan Lubok Merbau sudah tentulah keyakinan kepada rawatan di hospital menjadi suatu yang dipersoalkan. Orang hendak pergi ke hospital pun sudah takut. Hendak bedah, takut kalau pisau ada kuman AIDS. Hendak cukuk, takut jarum ada kuman AIDS, dan macam-macam lagi kerana ketidakfahaman dan sebagainya. Jadi, kerana itu pihak Kementerian seharusnya mencari jalan bagi memulihkan keyakinan kepada masyarakat ke atas perkhidmatan rawatan di hospital-hospital Kerajaan tersebut.

Tuan Pengerusi, ketidakcekapan atau kecuaiannya boleh berlaku bukan kerana seseorang itu cuai ataupun tidak cekap. Suasana kerjanya juga harus memberikan kesempatan untuknya bekerja dengan baik. Jadi, kerana itu, dalam hendak membetulkan, dalam hendak memperbaiki, kita harus melihat segala aspek dari segala sudut, dari segala constrain, kekangan-kekangan yang ada kepada suasana bekerja di dalam hospital Kerajaan. Kemungkinan tenaga kerjanya tidak cukup, kemungkinan bebanan kerja kepada kakitangan dan doktor-doktor adalah terlampau tinggi, kemungkinan peralatan di mana mereka ini bekerja tidak cukup, menyebabkan berbagai-bagai tekanan ke atas diri mereka. Sudah lentulah mereka bekerja dalam hospital dalam suasana di mana cabaran dan sekitaran yang menyentuh perasaan mereka menghadapi pesakit-

pesakit yang berbagai jenis penyakit. Jadi, dengan kerana itu, saya berharap pihak Kementerian mengkaji dari manakah, kenapa berlaku kecuaiannya ini? Tidak memadai dengan menghukum seseorang yang melakukan kecuaiannya, kita hendaklah melihat suasana dan keadaan keliling yang membenarkan kecuaiannya ini berlaku. Jadi, kerana itu eloklah dikaji secara menyeluruh, dilihat dengan penuh teliti suasana bekerja di hospital-hospital Kerajaan, keadaan-keadaan pekerja itu sendiri dan dorongan-dorongan kepada mereka supaya meningkatkan kecakapan bekerja dan mengurangkan kecuaiannya yang mungkin berlaku.

Tuan Pengerusi, dengan harapan itu, saya dengan sukacitanya menyokong peruntukan untuk Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sungai Besi dan selepas ini Menteri menjawab.

5.50 ptg.

Tuan Tan Kok Wai (Sungai Besi): Tuan Pengerusi, ada beberapa perkara yang saya ingin menyentuh, yang pertama berhubung dengan Butiran 030000 Perkhidmatan Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, di bawah Program ini objektifnya ialah untuk menyediakan perkhidmatan penentuan penyakit, rawatan dan pemulihan yang bermutu tinggi dengan cekap dan berkesan kepada pesakit dalam dan pesakit luar. Objektif itu nampaknya cukup baik, tetapi sebenarnya Kerajaan adalah ikhlas dan menunaikan janjinya dari segi menyediakan kemudahan hospital dan perkhidmatan yang lebih baik dan banyak, terutama pesakit dari golongan berpendapatan rendah yang tidak mampu membayar bil perbelanjaan hospital swasta yang mahal, sebaliknya bergantung kepada hospital Kerajaan.

Dalam hubungan ini, saya ingin mengaitkan perkara perbincangan kepada kes kegagalan Kerajaan untuk menukarkan bekas Hospital Lady Templer menjadi sebuah hospital awam bagi faedah golongan miskin yang memerlukan.

Tuan Pengerusi, Hospital Lady Templer di Cheras, Kuala Lumpur dibuka dalam tahun 1955 dan masih kekal memberi khidmat pada orang ramai terutama pesakit-pesakit tibi sehingga 1hb Januari 1985, hari tatkala ia diswastakan. Bagaimanapun, syarikat swasta yang mengambilalih hospital itu dari pemegang amanah menjadi bankrap dan meninggalkan hospital pada 18hb Julai, 1986. Kementerian Kesihatan kemudiannya mengambilalih hospital itu dan menukarkannya menjadi Klinik Pesakit Luar yang kecil dengan satu tujuan untuk membangunkannya menjadi Hospital Besar Cawangan Cheras....

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Sungai Besi, Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Yang dibincangkan ialah Perkhidmatan Rawatan Perubatan dan tidak termasuk Hospital Cheras.

Tuan Tan Kok Wai; Akan sampai ke sana.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sebab tidak masuk dalam....

Tuan Tan Kok Wai: Ini hospital-hospital termasuk pesakii luar....

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tetapi Hospital Cheras tidak ada lagi.

Tuan Tan Kok Wai: Ya. Belum sampai ke sana, sabarlah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ini dalam Jawatankuasa, ikut Butiran tertentu ya.

Tuan Tan Kok Wai: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Itu dasar, terlalu jauh.

Tuan Tan Kok Wai: Tetapi ini ada perhubungan. Saya belum sampai ke sana.

Tuan Pengerusi, cadangan untuk memperluaskan skop dan operasi Hospital Besar Kuala Lumpur adalah satu langkah yang dialu-alukun kerana adalah difahamkan bahawa masa kini Hospital Besar Kuala Lumpur tidak lagi mampu memenuhi pertambahan bilangan pesakit.

Tadi Ahli Parlimen dari Padang Terap pun ada bersetuju dengan pandangan ini. Sudah banyak aduan awam diterima tentang perkhidmatan Hospital Besar Kuala Lumpur yang sangat menyedihkan dan sambil lewa kerana kekurangan kakitangan dan katil-katil hospital. Jika rancangan untuk menukarkan Hospital Lady Templer kepada sebuah hospital sepenuhnya menjadi kenyataan, tidak diragukan ia merupakan satu berita yang sungguh menggembirakan kepada lebih 500,000 penduduk di selatan Kuala Lumpur dan Selangor, termasuk mereka dari daerah Hulu Langat iaitu kawasan pilihanraya Menteri Kesihatan sendiri.

Dengan berbuat demikian ia akan mengurangkan beban Hospital Besar Kuala Lumpur dan khidmatnya boleh dijangka meningkat. Walau bagaimanapun orang ramai dukacita dan terperanjat apabila dilaporkan baru-baru ini bahawa Kementerian Kesihatan tidak jadi meneruskan rancangan Hospital

Besar Kuala Lumpur Cawangan Cheras, dan tanah seluas 22.7 hektar di mana Hospital Lady Templer itu terletak akan dibangunkan kondominium bagi golongan kaya. Apakah ertinya sandiwara dan slogan Kerajaan yang indah untuk membangunkan masyarakatpenyayang?

Walaupun Kerajaan mendakwa bahawa sebuah Hospital Pengajar akan dibina di pinggir tanah itu, maka ianya jauh berbeza. Sebuah Hospital Pengajar pasti tidak boleh dibandingkan dengan hospital sepenuh masa selama memenuhi permintaan rakyat. Adalah satu perkara yang menyedihkan untuk melihat bahawa sebuah Kerajaan yang berjanji untuk memberi sepenuh perhatian dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang cekap kepada rakyat telah memutuskan untuk berbuat sebaliknya, dan telah mengorbankan kebajikan golongan miskin dengan kehidupan mewah golongan kaya yang minoriti.

Saya tidak nampak apa-apa alasan yang logik dan baik bagi Kerajaan menggunakan tanah itu untuk tujuan komersial, kerana ia telah membayar \$12.5 juta sebagai penyelesaian luar mahkamah bagi pertikaian undang-undang ke atas Hospital Lady Templer itu. Seseorang boleh membayangkan bagaimana keikhlasan Kerajaan bagi meninggalkan masyarakat penyayang jika ia boleh membelanjakan \$20 juta hanya untuk mengubahsuai rumah kediaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat....

Tuan Tan Kok Wai: ... enggan membayar \$12.5 bagi kebaikan dan faedah golongan ramai.

Saya ingin merekodkan bantahan saya terhadap sikap tidak betul Kerajaan dan keputusannya atas perkara ini. Saya merayu kepada Kerajaan dengan tujuan

untuk memenuhi permintaan penduduk Kuala Lumpur bertambah dengan cepat, dijangka bertambah dari masa kini 1.5 juta ke 2.2 juta orang dalam tahun 2000, betapa perlunya dibina segera lebih banyak cawangan Hospital Besar dalam Wilayah Persekutuan termasuk menghidupkan semula Hospital Besar Kuala Lumpur Cawangan Cheras dan membatalkan projek kondominiurn di atas tanah Hospital Lady Templer itu.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 Perkhidmatan Kesihatan Awam di bawah Program 020600 Kawalan Mum Makanan.

Satu lagi perkara yang saya ingin menarik perhatian ialah berkaitan dengan penguatkuasaan Akta Makanan, 1983. Tujuan Akta ini ialah untuk memastikan makanan-makanan yang diimport dan dikeluarkan di negara ini yang ada di pasaran adalah bermutu dan tidak membahayakan kesihatan para pengguna.

Saya menyokong sepenuhnya apa jua usaha yang diambil oleh Pihak berkuasa bagi menggalakkan kehidupan rakyat yang sihat dan melindungi mereka dari bahaya akibat makanan yang tidak bersih dan beracun. Tindakan penguatkuasaan yang tegas patutlah diambil dari semasa ke semasa ke atas pengeluar-pengeluar atau pembuat makanan kerana mereka adalah penjaga sebenar di bahagian pembuatan. Akan tetapi saya memerhatikan bahawa beberapa peruntukan dalam Akta Makanan terdapat kelemahan dan kekurangan, dan pada pendapat saya ianya patutlah diperbetulkan bagi mengelakkan apa jua salahguna peruntukan tanpa mencapai maksud sebenar.

Baru-baru ini Pihak berkuasa telah mengadakan beberapa siri pemeriksaan di berbagai pasar dan tempat perniagaan dalam Kuala Lumpur, dan mendapati bahawa ramai penjaja menjual makanan seperti sayur-sayuran dan bebola ikan mengandungi racun perosak serangga

dan bahan kimia yang berlebihan, yang memudaratkan kesihatan manusia. Para penjaja itu kemudiannya telah didakwa di mahkamah di bawah Seksyen 13(1)(e) Akta Makanan dengan pertuduhan yang berbunyi:

"Mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang tercatat adalah melakukan satu kesalahan dan boleh disabitkan hukuman penjara bagi tempoh tidak lebih 5 tahun atau didenda atau kedua-dua sekali."

Sejauh yang saya faham, penjaja yang terlibat didenda begitu berat sehingga \$1,000-\$1,500 setiap orang. Beberapa orang penjaja telah mengadu kepada saya bahawa tidak ada sebab-musabab mengapa mereka harus dihukum kerana menjual makanan yang mengandungi bahan beracun atau bahan kimia yang tidak selamat kerana mereka tidak ada pengetahuan tentang masalah itu sama sekali. Dengan menjual mereka sebenarnya tidak menyedari bahawa makanan yang mereka beli dari pengeluar, pembuat atau pemborong mengandungi bahan kimia yang berlebihan yang tidak dibenarkan di bawah undang-undang. Mereka rasa mereka telah menjadi mangsa dan tindakan penguatkuasaan patut ditunjukkan kepada pengeluar dan bukannya penjual.

Saya memahami perasaan penjual makanan ini. Sebenarnya bagaimana boleh seorang penjaja mengetahui bahawa makanan yang dijualnya telah tercemar melainkan mereka mempunyai makmal sendiri, lebih-lebih lagi tidak ada pengeluar makanan yang dengan jujur memberitahu pelanggan-pelanggan penjanya, bahawa makanan yang mereka keluarkan mengandungi baban kimia yang haram atau berlebihan.

Jadi, bagaimana boleh penjaja dipersalahkan melakukan kesalahan subahat dengan pengeluar? Untuk bersikap adil dalam penguatkuasaan dan memastikan bahawa pesalah sebenar dihukum, saya

berpendapat bahawa pihak berkuasa patut pergi ke akar umbi masalah dengan memeriksa dan menghukum mereka yang bertanggungjawab bagi mengeluarkan makanan yang tidak bersih atau beracun. Masalah tidak akan selesai dan Akta Makanan menjadi tidak bermakna jika pihak berkuasa hanya berminat dalam mengambil lindakan ke atas para penjual.

Satu lagi perkara berhubung dengan Butiran O10000 Pentadbiran di bawah Program O10100 Pentadbiran Ibu Pejabat.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kementerian mengenai kes kematian seorang wanita yang meninggal dunia selepas melahirkan anak lelaki. Mendiang Puan Pang Siu Lai, No. Kad Pengenalan: 6183658 berumur 31 tahun telah menjalani pembedahan untuk bersalin di sebuah klinik bersalin swasta di Cheras pada 26 Oktober tahun ini. Walaupun anaknya selamat dilahirkan tetapi ibu telah jatuh pingsan dan tidak sedarkan diri lebih kurang 15 minit selepas pembedahan.

Mendiang telah tinggal di klinik tersebut hingga hari kedua dan dihantar ke sebuah hospital swasta. Mendiang terus juga berada di dalam coma dan kemudian dipindahkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur beberapa hari kemudiannya. Mendiang tidak juga pulih dan sebaliknya lelah meninggal dunia di Hospital Besar Kuala Lumpur pada 23hb November tahun ini, selepas hampir sebulan tidak sedarkan diri.

Kematian Puan Pang Siu Lai telah menarik perhatian umum. Keluarganya telah melaporkan kejadian itu ke Majlis Perubatan Malaysia kerana mereka percaya sebab kematian mendiang boleh jadi disebabkan kecuaiannya di pihak klinik bersalin swasta yang berkenaan. Saya berpeluang berjumpa doktor yang melakukan pembedahan mendiang Puan Pang dan doktor itu mengakui bahawa mendiang ialah seorang yang sihat sebelum dan semasa melahirkan anak.

Ini telah menimbulkan perasaan syak wasangka di atas kematiannya.

Saya menggesa Kementerian dan Majlis Perubatan Malaysia supaya mengambil pandangan yang serius terhadap aduan dan menjalankan dengan segera, jika belum, satu siasatan yang terperinci ke dalam kes ini dengan tujuan untuk memastikan sama ada kecuaiannya telah menyebabkan kematian mendiang Puan Pang.

Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk menggesa Kementerian supaya memastikan bahawa semua klinik bersalin swasta di seluruh negara yang bergerak supaya mengesahkan minimum standard yang dikehendaki terutama berkaitan dengan kemudahan seperti sistem bantuan hidup kecemasan dan pembantu perubatan yang terlatih serta jururawat dan sebagainya.

Adakah Kementerian mengawasi operasi klinik-klinik ini setiap masa? Bagaimana aduan kerap diterima daripada orang ramai mengenai kecuaiannya klinik-klinik ini? Saya harap saya boleh diberikan jawapan yang memuaskan kerana ini merupakan perkara kepemimpinan awam dan terdapat satu kecenderungan yang mana semakin ramai ibu yang bersalin di klinik swasta kerana kesesakan dan perkhidmatan yang kurang memuaskan di hospital-hospital Kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

6.04 ptg,

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Karid bin Ariffin): Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian di dalam membahaskan Maksud Bekalan 34 di bawah Kementerian Kesihatan.

Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong yang telah menunjukkan minat yang tinggi terhadap penyakit AIDS. Memang benar, impak (impact) penyakit ini ke atas negara bukan sahaja akan terkena kepada orang-orang yang hanya prihatin kepada kesihatan sahaja tetapi juga ke atas socio-ekonomi negara. Sebenarnya dalam seminar berkenaan dengan AIDS baru-baru ini yang diadakan di Kuala Lumpur dengan bantuan WHO dan juga UNDP, yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan telah memperlihatkan betapa penyakit AIDS ini bukan hanya mempunyai impact terhadap kesihatan rakyat jelata tetapi juga ke atas masalah sosial dan ekonomi negara. Ini adalah didasarkan kepada bukti-bukti yang terdapat daripada kejadian-kejadian yang berlaku di negara-negara yang mempunyai masalah AIDS yang lebih besar daripada yang terdapat di Malaysia seperti di benua Afrika dan juga di beberapa negara di Asia dan juga di Asia Tenggara.

Oleh kerana itulah, maka Kementerian kita terutamanya dan Kerajaan telahpun mengambil sikap yang pro-aktif yang daripada awal-awal lagi sebelum kes yang pertama di Malaysia diketahui telah menubuhkan sebuah task force, dengan izin, dan juga telahpun menjilid sebuah buku khas untuk dijadikan panduan kepada semua tenaga-tenaga di Kememerian Kesihatan terutama doktor-doktor dan juga para medic yang akan ataupun mungkin terdedah kepada bahaya penyakit ini.

Kita telahpun mengeluarkan satu garis panduan yang agak panjang lebar dan terperinci pada lahun 1985, kalau tidak salah saya, setahun sebelum kes AIDS yang pertama di Malaysia dikenali. Ini menunjukkan bahawa Malaysia terutamanya Kerajaan dan Kementerian Kesihatan memang pro-aktif dan oleh kerana itulah mungkin kita setakat ini mempunyai satu angka yang jika dibandingkan dengan negara-negara

yang berdekatan dengan Malaysia agak rendah. Kita hanya mempunyai 34 kes AIDS (full-blown cases) hari ini, 29 telah meninggal dunia dan 2,189 HIV.

Mungkin pada sesetengah orang, ini adalah satu bilangan yang agak rendah tetapi ada orang yang menganggap bahawa bilangan ini mungkin melebihi daripada yang kita telah catatkan. Walau bagaimanapun, kita telahpun menasihati semua orang yang mungkin akan terdedah kepada bahaya penyakit ini untuk mengambil tindakan secara universal iaitu jika sekiranya berlaku sesuatu kecemasan, maka ia perlulah mensifatkan seolah-olah orang itu mempunyai HIV untuk mengambil langkah-langkah yang perlu supaya dia sendiri tidak terkena penyakit tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun, hendak berijalan?

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya hendak berucap tadi atas tajuk Kesihatan, saya tidak dapat peluang, kerana tidak ada masa. Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan mengenai langkah pro-aktif, dasar pro-aktif memerangi AIDS ini? Memandangkan bilangan pembawa HIV meningkat dan Yang Berhormat pun setuju bahawa mungkin angka yang sebenarnya sepuluh kali ganda, apakah pro-action ataupun langkah pro-aktif ini terhadap pembawa AIDS? Adakah pihak Kerajaan sanggup memberi bantuan ataupun mengecualikan daripada membayar cukai pengimportan AZT ataupun ubat-ubat AIDS yang lain untuk pembawa AIDS ini?

Walaupun pada masa ini tidak ada ubal yang boleh menyembuhkan pihak pembawa AIDS ini, kadangkala adayang profesional, ada orang yang mampu menjalankan tugas yang membawa manfaat kepada masyarakat. Sementara

itu, memang pihak Kerajaan boleh memberi pertolongan kerana AZT sekarang sangat mahal dan berpuluh ribu ringgit diperlu-kan setahun untuk rawatan dengan ubat seperti AZT dan lain-lain. Apakah dasar itu sekarang, kalau saya cadangkan pihak Kementerian memberi bantuan atau pertolongan dari segi ini, apakah pendapat pihak Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Farin bin Ariffin:

Tuan Pengerusi, pandangan Yang Berhormat itu kita ambil perhatian tetapi saya tidak bertujuan untuk memberi jawapan yang khusus terhadap cadangan Yang Berhormat, tetapi memadailah saya mengatakan bahawa kita akan mengambil sebarang langkah yang perlu untuk menentukan bahawa penyakit ini dapat dikawal. Walaupun Yang Berhormat mengatakan mungkin bilangannya lebih tinggi, tetapi saya hanya mengatakan banyak orang yang menganggap berkemungkinan (possibility) atau yang mengatakan mungkin bilangan yang terkena HIV itu adalah lebih tinggi daripada yang kita catatkan.

Saya jawab sekaligus. Ini ialah oleh kerana cara kita mengesan mereka ialah melalui kumpulan-kumpulan yang berisiko tinggi tetapi pada umumnya kita mempunyai dasar yang terbuka kepada orang-orang yang tidak berisiko tinggi iaitu kita menggalakkan mereka datang ke Kementerian atau ke mana-mana Pusat Screening ini untuk dijalankan screening secara voluntary. Jika sekiranya pihak doktor swasta yang masih banyak lagi belum memberi bantuan mengelakkan daripada merebaknya penyakit ini, saya merayu kepada mereka untuk datang ke hadapan dan bekerjasama dengan pihak Kerajaan untuk membanteras penyakit ini bersama, sebab penyakit ini bukan sahaja masalah Kementerian Kesihatan tetapi juga masalah semua.

Mengenai dengan persiapan, seperti saya katakan tadi, daripada awal-awal lagi kita telahpun menyediakan satu

garispanduan yang cukup detail, telah dijilidkan dan telah disebarkan kepada seluruh pihak yang berkenaan dan setakat ini kita telahpun melatih lebih kurang 16,000 kakitangan untuk mereka menghadapi sebarang kemungkinan daripada serangan penyakit ini. Saya ingat 16,000 kakitangan ini is a very big force untuk kita membanteras penyakit ini, apatah lagi kita telahpun meminta banyak lagi orang-orang yang berkenaan dan badan-badan sukarela seperti St. John's Ambulance serta Persatuan Bulan Sabit Merah datang untuk melatih pegawai-pegawai mereka dalam perkara tersebut.

Mengenai dengan perkara ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong ialah berkenaan ubat AZT. Sebenarnya ubat AZT ini bukannya satu ubat yang boleh menyembuhkan seperti yang dikatakan, betul, ia hanya dapat memanjangkan sedikit umurnya dan memperlahankan jangkitan penyakit merebak dengan cepat, maka Kementerian Kesihatan setakat ini mengamalkan dasar supaya ubat ini diberi berdasarkan kepada recommendations ataupun cadangan daripada pakar yang merawat pesakit tersebut. Sebenarnya, ubat ini bukan murah dan mungkin memakan belanja yang agak besar.

Yang Berhormat dari Parit Sulong juga membangkitkan berkenaan dengan kes di Universiti Hospital. Saya sekaligus menjawab soalan ini bersama dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh. Sebenarnya, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu betul, iaitu orang itu telahpun meninggal dunia. Tetapi seperti yang telahpun kita ketahui, pihak Universiti Hospital telahpun mengakui tentang kesilapan tersebut dan saya bersetuju apa sahaja sebab yang mungkin kita berikan hari ini, tidak mempunyai makna kepada si mati tersebut. Tetapi saya anggap ini adalah satu sifat yang agak berani yang diambil oleh Universiti Hospital itu yang sebelum perkara ini dibangkitkan oleh orang ramai telah

awal-awal lagi mengakui tentang kesilapan tersebut dan terpulangnya kepada pihak Universiti Hospital yang akan mengendalikan kes ini untuk menimbangakan apakah gantrugi yang sesuai yang patut dibayar kepada keluarga aruwah tersebut.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan perkara yang seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong iaitu mengenai persediaan Kementerian Kesihatan menghadapi cabaran AIDS telahpun diumumkan beberapa kali cara-cara kita cuba menghadapi masalah ini. Tetapi saya ingin memberi pengakuan hari ini bahawa Kementerian telahpun menyusun programnya dan setakat ini sedang menunggu satu Kertas Kerja yang agak lengkap yang sedang disediakan oleh Task Force AIDS ini yang akan dibentangkan untuk kelulusan supaya kita dapat bcrsama-sama bagi melancarkan program ini untuk pengetahuan orang ramai. Tetapi setakat ini kita telahpun berpuashati tahap awareness orang ramai sudahpun sampai kepada seluruh pelusuk rantau negara ini tetapi kila masih lagi belum berpuashati berkenaan dengan bberapa perkara tertentu.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong bangun lagi.

Tuan Moliamed Parid bin Arillni: Pendek sahaja cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Pendek sahaja, memang pendek. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit mengenai Kertas Kerja yang disebutkan tadi, kerana saya pernah menyoalkan mengenai peruntukan untuk memerangi AIDS ini teitpi belum dijawab lagi sejak dua minggu yang lalu. Di sini didapati Butiran 101700 Program Kawalan AIDS dan Hepatitis yang

disebutkan di sini ialah untuk pergigian dan peruntukan diminta lebih \$2 juta. Apakah program ini untuk pergigian sahaja?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Pengerusi, itulah sebahagian khusus untuk dentists di negara ini yang juga mungkin terdedah kepada bahaya tersebut, Walau bagaimanapun seperti yang saya katakan tadi, kita sedang menunggu satu Kertas Kerja yang saya katakan tadi untuk kita melancarkan satu program bagi membanteras penyakit ini dan dengan 16,000 kakitangan yang telahpun dilatih, insya Allah, sehingga bulan Oktober, 1991, dengan kerjasama orang ramai mungkin kita dapat menentukan bahawa penyakit ini dapat diawasi,

Ingin saya teruskan jawapan saya tadi. Bahawa kita masih belum berpuashati berkenaan dengan salah-faham orang ramai dan juga tentang apakah cara yang baik mungkin untuk menukar cara hidup orang ramai. Walaupun Kementerian Kesihatan telahpun berkali-kali bertubi-tubi membuat kenyataan dan juga menjajaikan kempen yang berleluasa, masih ramai lagi yang mempunyai tanggapan yang silap tentang penyakit AIDS ini dan bagaimana ia berjangkit. Saya ingat adalah elok untuk saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini untuk bekerjasama dengan Kementerian dan menjadi penyambung kepada usaha kita ini kepada orang ramai terutama di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri untuk memberitahu sedikit sebanyak tentang bahaya penyakit ini, bagaimana ia boleh dijangkiti dan bagaimana ia boleh dielakkan. Jika sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan ini ingin mengadakan satu perjumpaan dengan Kementerian, boleh kita susun satu untuk menerangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh pergi menerangkan kepada orang ramai.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar bangun.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Sedikit sahaja.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
Memang sedikit sahaja. Saya hendak bercakap tadi tetapi tidak ada peluang. Perkara AIDS ini memang banyak diperkatakan ataupun dibangkitkan dalam Dewan ini dan saya bersetuju betul dengan cadangan Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi. Soalan saya ini bukanlah soalan undang-undang, soalan saya adalah satu perkara yang pendek dan kecil sahaja. Kebiasaannya berlaku—mungkin ini tidak berlaku di Semenanjung tetapi berlaku di Sarawak, apabila seseorang suami ataupun isteri menjalani satu-satu pembedahan, kadang-kadang pihak doktor ataupun pihak hospital bertanya sama ada sisuami ataupun keluarga mempunyai darah yang sama.

Jadi, tidak ubah pertanyaan itu menggambarkan bahawa kalau ada pembedahan, direct transfusion will be done, dengan izin, daripada pesakit kepada yang menderma darah pada masa itu. Jadi, soalan saya, macam manakah kecanggihan dalam menganalisa darah-darah sama ada darah ini mengandungi satu jenis kuman penyakit AIDS, VD atau lain-lain penyakit berjangkit.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Pengerusi, soalan itu terlalu profesional. Jadi sebelum saya menjawab, saya perlu mendapat briefing daripada doktor-doktor yang berkenaan. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam sebarang pemindahan darah kita menentukan bahawa semua darah-darah ini telah di heat treated seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap. Memang, kita mem-

punyai teknologi yang terakhir, the state of the art... ..(*Disampuk*) Tidak, seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap dan sekarang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar. Jadi, the state of the art memang ada. Kita mempunyai the state of the art yang terakhir. Insya Allah, sekiranya ada peralatan-peralatan baru, Kementerian Kesihatan akan terus menyediakan peruntukkan yang cukup untuk membeli alat-alat tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingat semua perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong telahpun saya jawab, kalau tidak secara khusus, secara umum. Walau bagaimanapun, oleh kerana kesuntukan masa, saya akan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Padang Terap.

Memang benar, saya mengakui dan banyak orang mengakui bahawa Hospital Besar Kuala Lumpur adalah sebuah hospital yang antara yang terbesar di dunia lebih kurang 2,700 ke 3,000 katil kesemuanya. Dan sekiranya Yang Berhormat pergi ke hospital itu hari ini, ia sedang menghadapi satu upgrading exercise yang agak luar biasa. Walau bagaimanapun, kita telahpun mula berfikir apakah boleh atau tidak hospital ini hanya dijadikan hospital referral sahaja dan mungkin dibina satu dua hospital besar di sekeliling kawasan Kuala Lumpur ini. Mungkin tidak termasuk kawasan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap tadi.

Tetapi sekarang sudah kita berfikir, we are beginning to think very seriously, dengan izin, untuk bukan perkataan decentralise tetapi decongest, itulah perkataan yang kita gunakan untuk menjadikan Hospital Besar sebagai the centre excellence dan beberapa centre excellence yang lain supaya decongestion ini dapat dilakukan. Ini memerlukan belanja yang agak besar dan dalam up-grading hospital sekarang pun

menelan belanja ratusan juta ringgit. Jadi, kita terpaksa mengambil satu sikap yang agak a careful thinking supaya kalau sekiranya berlaku kesilapan, tidak diulangi lagi.

Tetapi kita di Kementerian sudahpun mula berfikir untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk decongest. Setakat ini, setakat itu sahaja yang boleh saya katakan. Insya Allah, kalau ada cadangan-cadangan yang lebih baik, kita dapatmempertimbangkannya.

Soal pengiklanan. Memang Akta Ubat, Iklan dan Penjualan 1956 telahpun dipindahkan kini hospital-hospital swasta boleh mengiklan khidmatnya jika diluluskan oleh Lembaga Iklan Ubat. Jadi mungkin Yang Berhormat terlupa agaknya yang undang-undang ini telahpun dipinda tetapi menunggu kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat untuk detailnya.

Mengenai immunisasi Hepatitis B, saya terpaksa bangun bertanya adakah benar Yang Berhormat yang berkenaan bercakap mengenai AIDS atau Hepatitis. Saya ingat tersasul tadi agaknya. Sebenarnya timbul satu kekeliruan. Seseorang yang perlu menerima immunisasi Hepatitis B perlu menerima tiga dos iaitu satu selepas dilahirkan, dua selepas selepas sebulan dan tiga selepas 5 bulan. Dan tiga dos adalah perlu untuk perlindungan sepenuhnya. Mungkin kekeliruan timbul oleh kerana ada yang berpendapat mungkin satu dos cukup, dua dos cukup. Tetapi kita berpendapat, memangpun ada professional view tiga dos adalah perlu untuk mencukupi perlindungannya.

Yang Berhormat dari Padang Terap telah membangkitkan banyak hal-hal lain yang mungkin mengambil masa sedikitbagi saya menjawab satu-persatu.

Mengenai dengan Jururawat, Kementerian memang pun sedang mendapat Jururawat secara kontrak melalui urusan pengambilan tempatan dahulu. Kementerian memang bercadang untuk

mendapatkan Jururawat kontrak dari luar negeri sebaik sahaja urusan pengambilannya di dalam negeri selesai. Kita telah mengambil sikap untuk memberi keutamaan kepada Jururawat-Jururawat yang memohon daripada dalam negeri selepas itu barulah kita menjalankan exercise untuk mengambil Jururawat daripada luar negeri. Kita menjangka dalam bulan Mac atau Februari tahun depan kita akan selesai urusan pengambilan Jururawat dalam negeri.

Dengan wujudnya Sistem Saraan Baru ataupun gaji bam mulai dari 1.1.92 nanti, dijangka pengisian Jururawat secara kontrak oleh warganegara asing tidak akan mendatangkan masalah lagi. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan sendiri telahpun menjalankan latihan secara intensive dan juga extensive supaya kekurangan Jururawat inidapatdiselesaikan. Kalau tidak boleh, mungkin dalam tahun 1996 atau 1997 dengan mempertingkatkan lagi bilangan Jururawat-Jururawat yang akan dilatih. Dan setakat ini kita telah memaksimumkan pengambilan Jururawat-Jururawat di semua Pusat-pusat Latihan Jururawat.

Mengenai dengan DDT. DDT masih digunakan di dalam kawalan malaria. Kerana ianya masih berkesan untuk vektor pembawa malaria. Tetapi untuk tahap penggunaan dosagenya dalam semburan adalah rendah dan tidak mengakibatkan apa-apa kesan kepada manusia.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap juga, pengasapan untuk kawalan demam denggi ialah bahan kimia "Malatias" bukannya DDT. Dan DDT hanya digunakan di dalam kawalan vektor pembawa kuman malaria sahaja.

Tuan Pengerusi, saiz hospital yang optimum ataupun yang sebaik mungkin seperti dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap juga, sepatutnya dikatakan adalah lebih kurang 100 atau 200 katil. Jadi kalau sekiranya kita lihat daripada rancangan-

rancangan kita pada masa ini, terutama dalam rancangan kita membina hospital-hospital yang mempunyai sistem baru iaitu nucleus system, kebanyakan hospital-hospital ini dibina mengikut lingkaran sedemikian iaitu di antara 250 ke 300 katil. Tetapi Hospital Daerah biasa akan mengandungi tebih kurang 250 katil ataupun kurang dan Hospital Daerah yang mempunyai pakar, akan mempunyai lebihkurang 350 ke 750 katil. Hospital Besar ialah di antara 750 ke 1000 buah katil. Jadi Hospital Besar Kuala Lumpur adalah antara "lebih besar" daripada yang besar.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, nampaknya masa sudah cukup untuk hari ini. Boleh sambung esok.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkanpada pukul 6.30 petang.